

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN
RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN: 5 JULAI 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS
AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN (SOALANNO.
11 HINGGA 59)

NOT A: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK

PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO. AUM
NO. AUP : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
TARIKH	5JULAI 2010
RUJUKAN	2778

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap kebanjiran pendatang asing daripada negara Kemboja telah mengancam penduduk di kawasan kampung terutama pedalaman. Status kedatangan mereka ini diragui dan pada masa ini juga mereka berleluasa menjalankan aktiviti perniagaan dan pertanian serta timbul populasi Kemboja di kampung-kampung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kehadiran warganegara Kemboja di Malaysia lazimnya adalah berdasarkan tujuan kemasukan seperti berikut:

- i) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan lawatan sosial, seperti untuk melawat saudara mara yang berada di negara ini; dan
- ii) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan untuk bekerja.

Tidak dinafikan terdapat segelintir warganegara asing ini yang masuk secara sah dan didapati melanggar syarat pas mereka, seperti menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia. Antara tindakan yang telah diambil adalah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara. Dalam hubungan ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 7,099 operasi sepanjang tahun 2009 di mana sejumlah 505 tangkapan telah dibuat yang melibatkan warganegara Kemboja. Bagi tempoh yang sama juga seramai 897 orang warganegara Kemboja telah diusir ke negara asal.

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN
MD TAIB [BALING]**

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan kewujudan kawasan industri hidrokarbon bakal menjana limpahan ekonomi di kawasan Yan, Kedah sebagaimana Kerteh dan Gebeng. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Kedah memaksimumkan pembangunan kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pelaburan di semua negeri di Malaysia, sama ada pelaburan daripada pelabur asing atau domestik. Untuk projek Hab Hidrokarbon Sungai Limau, Kerajaan Negeri Kedah telah mengumumkannya semenjak tahun 2007 lagi. Mengikut

perancangan kerajaan Negeri Kedah, kawasan ini adalah untuk pemprosesan minyak mentah yang diimport dari Timur Tengah untuk dieksport semula ke China dan negara Asia lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIDA telah meluluskan insentif kepada dua syarikat untuk menjalankan aktiviti berkaitan penapisan minyak di kawasan industri ini. Namun, salah satu syarikat yang diluluskan projek penapisan minyak mentah di kawasan ini telah menukar tapak ke Bagan Datok, Perak. Manakala, syarikat yang satu lagi telah menangguhkan projek kerana masih dalam peringkat penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Terperinci untuk penilaian Jabatan Alam Sekitar.

Sekiranya semua isu dapat diselesaikan dan kelulusan telah diperolehi termasuk daripada Jabatan Alam Sekitar dan projek ini bersedia untuk dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan bersedia bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memaksimumkan limpahan ekonomi daripada projek ini.

NO. SOALAN:13..

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI
JUSOH[DUNGUN]**

TARIKH : 5 JULAI 2010

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pejabat-pejabat di peringkat Zon pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) termasuk menambahkan perjawatan dan mewujudkan jawatan baru bagi Unit Penguatkuasaan, Unit Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Unit Dakwah dan Pegawai Masjid Bahagian Kariah.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memartabatkan pentadbiran dan pengurusan Hal Ehwal Islam di Negara ini. Jabatan

I

Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Waran Perjawatan yang baru diluluskan iaitu Bilangan, A 178 bertarikh pada 1

Disember 2007 kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Sehubungan itu, pada bulan Mei 2008 jabatan telah melaksanakan pentadbiran Hal Ehwal Islam dengan menubuhkan pejabat pentadbiran peringkat zon dengan enam (6) zon di Kuala Lumpur, satu (1)zon di Putrajaya dan satu (1) zon di Wilayah Persekutuan Labuan. Pejabat-pejabat pentadbiran pusat zon tersebut berperanan menyelaras pentadbiran masjid, surau jumaat dan surau sahaja.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan juga sedang mengkaji dan meneliti cadangan keperluan untuk menaikkan taraf

pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat zon yang meliputi peranan dan tanggungjawab penguatkuasaan, perkahwinan dan kekeluargaan, dakwah serta pengurusan masjid dan surau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 5.7.2010

SOALAN NO 14

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pelaburan dalam pasaran saham yang dilakukan oleh KWSP dalam tahun 2008 dan 2009. Nyatakan identiti 5 syarikat broker yang mengendalikan pembelian saham terbesar untuk KWSP dan kadar komisyen yang dibayar untuk setiap syarikat broker ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelaburan KWSP dalam pasaran saham tahun 2008 ialah RM73.99 bilion dan 2009 sebanyak RM79.81 bilion.

2. KWSP mempunyai garis panduan yang ketat dalam melantik syarikat broker sebelum dipilih sebagai Panel Broker KWSP. Perlantikan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan selepas mengambilkira beberapa kriteria termasuklah kedudukan kewangan syarikat, pengurusan risiko serta kualiti bukan kewangan yang lain. Panel Broker KWSP tersebut akan dinilai prestasi mereka secara telus dan berterusan setiap 6 bulan sekali bagi memastikan tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap syarikat broker tersebut berada di tahap yang terbaik dan memenuhi keperluan KWSP.
3. Seterusnya, penarafan akan diberikan kepada setiap broker tersebut berdasarkan prestasi perkhidmatan yang diberikan. Di antara kriteria yang diukur dan dinilai ialah kecekapan dalam urusniaga, penyelidikan ekuiti, pengurusan risiko dan kewangan serta pentadbiran dan penjelasan saham. Urusniaga belian dan jualan saham kemudiannya akan diagihkan berdasarkan kepada kedudukan mereka dalam senarai penarafan tersebut. Lima (5) syarikat broker terbesar yang dilantik ialah CIMB Investment Bank, RHB Investment Bank, AM Investment Bank, Affin Securities, KAF Investment Bank dan OSK Investment Bank.
4. KWSP merupakan salah sebuah institusi pelaburan terbesar di Malaysia, oleh itu kadar komisyen yang diperolehi adalah kompetitif apabila berurusan dengan pihak broker saham.

NO. SO ALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN 15
RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] 5 JULAI 2010
TARIKH (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan sektor swasta dalam menjayakan Model Ekonomi Baru negara dan bagaimana ianya berbeza dengan model ekonomi yang wujud pada hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Model Ekonomi Baru (MBE) menyarankan supaya sektor swasta menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi dan pelaburan berpandukan pasaran. Aspirasi ini adalah selaras dengan dasar ekonomi sedia ada. Walaubagaimanapun, Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) berpendapat bahawa masih terdapat skop yang luas untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta berbanding keadaan semasa.

Antara cadangan MBE ke arah ini adalah untuk memperkuatkan persekitaran persaingan serta menghapuskan herotan pasaran. Dengan ini, pengagihan sumber ekonomi dan pelaburan akan tertumpu kepada

syarikat dan industri yang mampu berdaya saing dan bernilai tambah tinggi. Bagi merangsangkan keusahawanan sektor swasta, salah satu cadangan adalah untuk memudahkan undang-undang kebankrapan.

Kerajaan pula berperanan menjadi fasilitator yang cekap bagi membantu sektor swasta terus berkembang dan berdaya saing. Selaras dengan itu, MBE bercadang Kerajaan mengurangkan lagi penyertaannya secara langsung dalam ekonomi dan untuk syarikat Kerajaan tidak berkecimpung dalam industri yang sektor swasta sudahpun beroperasi dengan berkesan. RMKe-10 menekankan kepada pewujudan usahasama efektif di antara Kerajaan dan sektor swasta bagi memerangsangkan pelaburan swasta, terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru dan strategik.

PEMBERITAHUAN JAWAPAN PERTANYAAN LISAN

TARIKH **5 JULAI 2010 (ISNIN)**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY**

SOALAN Minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan konsep 1 Malaysia dan menarik balik konsep ini memandangkan konsep ini hanya satu konsep kosong tanpa pelan struktur yang konkret untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

1 Malaysia adalah gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berpaksikan kepada tiga (3) teras utama dan penerapan empat (4) nilai murni dan lapan (8) nilai aspirasi secara khusus dan konkret. 1 Malaysia juga disertai dengan komitmen supaya "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," yang diterjemahkan secara konkret melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) dan Program Transformasi Ekonomi (PTE) untuk menghasilkan perubahan dan impak yang besar dan spesifik untuk manfaat semua rakyat dan untuk mencapai Wawasan 2020 bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju.

Antara tiga (3) teras perpaduan, yang pertama ialah saling hormat-menghormati dan penerimaan kepelbagaian etnik dan budaya sebagai satu kelebihan dan kekuatan negara. Yang kedua ialah penyerapan prinsip-prinsip kenegaraan yang berdasarkan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara. Yang ketiga ialah keadilan sosial supaya semua rakyat Malaysia akan terbela dan dasar-dasar dilaksanakan secara adil untuk mengatasi perbezaan yang wujud dari segi kemajuan sosio-ekonomi di antara

golongan. Penerimaan empat (4) nilai murni pula mengandungi nilai hormat- menghormati, rendah hati atau tawadhus, kesederhanaan dan berbudi bahasa.

Penerapan teras-teras dan nilai-nilai murni tersebut memang amatlah penting kerana pergaulan dan perhubungan di antara etnik sememangnya hendaklah dipandu oleh manifestasi nilai-nilai ini serta sikap yang positif dan pendekatan yang membina supaya menguruskan perbezaan dan percanggahan, sekiranya timbul. Hanya demikian, perhubungan yang lebih erat, persefahaman yang lebih jitu dan perpaduan yang lebih kukuh dapat dipupuk, manakala salah faham dan sengketa dapat dielakkan.

Penerapan lapan (8) nilai aspirasi, iaitu, budaya berprestasi tinggi, budaya ketetapan, budaya ilmu, budaya inovasi, integriti, ketabahan, kesetiaan dan kebijaksanaan adalah lebih ditujui untuk memantapkan komitmen, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." Dipandu oleh semangat Gagasan 1 Malaysia dan nilai-nilai aspirasi ini, Program Transformasi Kerajaan (PTK) telah mulai dilaksanakan sejak bulan Julai tahun yang lalu dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan, iaitu, metodologi Makmal (*Lab*) dan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI). Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA telah dikenalpasti.

Sememangnya, PTK adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan sistem pelaksanaan dan penyampaian jentera kerajaan supaya hasilnya dapat dinikmati oleh semua dengan nyata dan adil. Misalnya, NKRA untuk memerangi rasuah adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi integriti urus tadbir kerajaan, manakala NKRA untuk mengurangkan jenayah akan menjamin satu suasana yang lebih selamat untuk semua. NKRA pendidikan memberi tumpuan untuk meningkatkan lagi pendidikan pra-sekolah bagi kanak-kanak supaya jurang perbezaan yang wujud dapat

dikurangkan. Begitu juga tujuannya untuk NKRA membangunkan infrastruktur luar bandar dan NKRA meningkatkan taraf hidup isirumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan lagi kualiti hidup bagi kumpulan-kumpulan sasaran. PTK telah diterbit dan diedarkan selepas sesi-sesi Hari Terbuka yang diadakan secara telus. Pelaksanaan NKRA-NKRA ini telah mendatangkan hasil awalan yang menggalakkan yang dijangka akan memberi sumbangan secara langsung atau tidak kepada perpaduan antara etnik.

Dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE), melalui Model Baru Ekonomi yang akan merangkumi RMK-10 dan RMK-11, selain daripada matlamat untuk mencapai ekonomi yang berpendapatan tinggi, tumpuan diberi untuk “keterangkuman sosial” atau *social inclusiveness* supaya mereka yang berpendapatan 40 peratus ke bawah akan diberi perhatian yang khusus supaya mereka tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara. Beberapa NKRA di bawah PTK sedang dilaksanakan khusus untuk tujuan ini. Selain daripada itu, beberapa idea utama di bawah Model Baru Ekonomi dan RMK-10 akan juga menghasilkan kesan positif untuk memupuk kerjasama dan perpaduan antara etnik, termasuklah memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa; memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan mudah terjejas; serta menyokong perkongsian pintar dan berkesan.

Adalah jelas bahawa PTK dan PTE yang diilhamkan dan didorong oleh Gagasan 1 Malaysia bersama-sama dengan RMK-10, apabila dilaksanakan dengan berkesannya, dijangka akan mendatangkan kesan positif secara konkrit terhadap perpaduan negara dan integrasi nasional melalui peningkatan ekonomi dan pendapatan serta menjamin keterangkuman sosial. Oleh itu, Gagasan 1 Malaysia bukanlah konsep atau cogankata kosong seperti yang disifatkan oleh Yang Berhormat. Di sebaliknya, ianya mempunyai banyak program dan langkah yang konkret untuk membawa kemajuan dan manfaat bagi

rakyat jelata serta memupuk perpaduan negara..

SOALAN C17)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

DARIPADA Y.B. DATO'SERI HAJI AZMI BINKHALID
(PADANG BESAR)

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar di negara maju, sisa pepejal adalah antara sumber terpenting dalam sektor penjanaan kuasa elektrik. sama ada Kerajaan masih bersedia untuk melihat semula teknologi-teknologi yang terkini, memandangkan tidak lama lagi negara kita menghadapi kekangan sumber bagi penjanaan kuasa elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya sedar di negara-negara maju,

sisa pepejal bukan sahaja dijadikan sumber bagi penjanaan kuasa elektrik tetapi juga tenaga untuk "*central heating*" atau pemanasan berpusat di rumah-rumah kediaman. Dalam hal ini, pelbagai teknologi rawatan dan pelupusan sisa pepejal telah dikenalpasti bagi menjana tenaga yang boleh diperbaharui. Antara teknologi-teknologi tersebut adalah seperti kaedah loji rawatan termal, *refuse derived fuel* (RDF), *anaerobik digester* atau rawatan biologi lain.

Bagi membuktikan kesungguhan ini, KPKT sedang membina sebuah insinerator mini di Pulau Langkawi yang boleh menjana 1 megawatt (MW) tenaga elektrik. Di samping itu, KPKT telah memberi kebenaran kepada sebuah syarikat tempatan untuk membina sebuah loji protaip di tapak pelupusan sisa pepejal di Krubong, Melaka yang boleh merawat sisa pepejal dan menghasilkan gas, minyak dan karbon. KPKT juga sedang menjalankan kajian ke atas loji RDF sedia ada yang dibina untuk menjana 8 megawatt (MW) tenaga elektrik bagi memastikan ianya berdaya maju dan boleh menjana tenaga secara konsisten dengan kos efektif dan mesra alam.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

AJO-.
18

PERTANYAAN

DARIPADA

**YB TUAN MOHD FIRDAUS
BIN JAAFAR
LISA N
(JERAI)**

TARIKH

SOALAN

5 JULAI2010

**Minta Menteri 18 Kemajuan Luar
Bandar dan Wilayah**

bilakah kuota tiga orang Ahli Lembaga Pengarah bagi mewakili Kerajaan negeri Kedah dalam organisasi KEDA akan diisi selepas pentadbiran negeri bertukar tangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, YB Dato' Seraja Setia Dato' Wira Haji Rasli bin Basir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah telah dilantik untuk menganggotali Lembaga Pengarah KEDA berkuatkuasa 17 November 2009 sebagai wakil Kerajaan Negeri Kedah menggantikan YB Dato' Bijaya Indera Dato' Wira Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah Shahabuddin, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang tamat tempoh sebagai ahli Lembaga Pengarah.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pelantikan bagi dua orang lagi Ahli Lembaga Pengarah KEDA mewakili Kerajaan Negeri Kedah sedang dalam proses pelantikan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri akan dimaklumkan mengenai perkara ini sebaik sahaja proses tersebut selesai.

NO. SO ALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	TUAN KAMALANATHAN <i>A/L</i> PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]

TARIKH	5 JULAI 2010
---------------	---------------------

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengenai perancangan untuk membina hospital Daerah di kawasan Hulu Selangor

- (a) sekiranya ada, di mana dan jangka masa ianya akan siap; dan
- (b) sekiranya tiada, apakah perancangan masa depan.

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Buat masa ini, tiada perancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan Hulu Selangor memandangkan telah terdapat sebuah hospital sedia ada iaitu Hospital Kuala Kubu Bharu. Mengambil kira keperluan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di Hulu Selangor, Kementerian telah berusaha untuk menaikkan taraf Hospital Kuala Kubu Bharu dengan melaksanakan projek-projek berikut:-
- (i) Pembinaan Unit Forensik (Mortuary)
 - (ii) Naiktaraf Wad, Unit Sajian dan LPG Plant Room di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 tahun 2009
 - (iii) Naiktaraf Sistem Pendawaian Elektrik, Jalan Raya, Naiktaraf Bangunan Hemodialisis di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2 tahun 2010
 - (iv) Naiktaraf projek-projek di bawah butiran projek BP 00600 seperti naiktaraf pendawaian (Makmal Biokimia), naiktaraf lantai lepaan simen kepada jubin, pemasangan alat penghawa dingin dan lain-lain lagi.
- (b) Pihak kementerian telah memohon sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 di Bukit Sentosa di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan sedang menunggu kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu juga, terdapat 2 buah Klinik 1 Malaysia yang telah dibuka di Bukit Sentosa dan Taman Bunga Raya dan telah dibuka secara

Tuan Yang Dipertua,

rasmi pada bulan Mei 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MAN IKAVAS AG AM A/L SUNDARAM
TARIKH	5 JULAI 2010 (ISNIN)
SOALAN	N0.20

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) jumlah pelajar yang telah diambil memasuki IPTA mengikut jurusan bagi tahun 2000-2010; dan
- (b) berikan pecahan mengikut kaum bagi tahun 2000-2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pemilihan kemasukan ke IPTA sehingga Sesi Akademik 2001/2002 ialah berasaskan prinsip kuota iaitu 55% Bumiputera, 35% Cina, dan 10% India dan lain-lain. Walau bagaimanapun mulai Sesi Akademik 2002/2003 prinsip meritokrasi dilaksanakan. Manakala mulai Sesi Akademik 2006/2007 pula Jemaah Menteri memutuskan bahawa dasar pemilihan kemasukan ke IPTA adalah

berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

Jumlah pelajar lepasan STPM/Setaraf yang ditawarkan tempat ke program pengajian kompetitif ambilan Julai dari tahun 2002 hingga 2009 mengikut pecahan kaum adalah seperti jadual berikut:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATO'LILAH BIN YASIN (JEMPOL)**

TARIKH **05.07.2010**

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pelajar yang berada di tingkatan enam; dan
- (b) bilakah Kementerian akan menaik taraf tingkatan enam supaya lebih diminati.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang mengikuti pendidikan di Tingkatan Enam adalah sebanyak 95,426 orang. Bermula pada tahun 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telahpun memulakan usaha-usaha untuk memperkasakan dan menaik taraf Tingkatan Enam melalui program Penjenamaan Semula Tingkatan Enam (*Rebranding*).

Soalan No : 21

Untuk menjadikan Tingkatan Enam lebih berkualiti dan menarik, penjadualan semula telah dilakukan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dengan memasukkan unsur-unsur penyelidikan dan kolokium untuk menyediakan minda murid supaya mendekati kaedah pembelajaran di universiti.

Di samping itu juga perjawatan untuk guru Tingkatan 6 telah diwujudkan, di antaranya ialah kenaikan pangkat ke gred DG44, DG48 dan DG52. Kenaikan pangkat kepada guru-guru ini adalah bertujuan agar mereka dapat melaksanakan P&P yang lebih berkualiti bagi memastikan pencapaian murid yang lebih cemerlang.

Rjm 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
TARIKH **5 JULAI 2010**

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh FELDA bagi menyediakan generasi kedua dan ketiga FELDA menghadapi saingan ekonomi dan tekanan sosial di tanah-tanah rancangan.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program khusus untuk generasi FELDA bagi menghadapi saingan ekonomi dan tekanan sosial di tanah-tanah rancangan. Penyediaan program ini meliputi bidang pendidikan, keusahawanan, kerohanian, aktiviti sukan dan rekreasi dan sebagainya.

Dalam bidang pendidikan, Kerajaan menyediakan sejumlah RM50 juta untuk melatih 5,000 generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran setiap tahun. Tumpuan diberikan dalam bidang latihan kemahiran di pelbagai

institusi kemahiran khususnya bagi kemahiran berprofail tinggi yang mempunyai pasaran kerja yang terbuka. Sehingga kini seramai 29,243 generasi baru telah dapat dilatih dalam pelbagai latihan termasuk 260 pelatih yang menjalani *Trainee Aircraft Maintenance Engineer* dan 53 pelatih *Trainee Junior Technicion* di *Malaysian Airlines System (MAS)*. Sejak tahun 2005, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM188.8 juta untuk melatih generasi baru. Dengan adanya pendidikan ini, maka diharap generasi baru FELDA mampu bersaing dalam pasaran ekonomi yang lebih terbuka ini.

Bagi pelajar cemerlang, FELDA menawarkan dana khas pelajar cemerlang yang mula diwujudkan pada tahun 2005. Program ini menawarkan pelajar cemerlang mengikuti pengajian ke universiti - universiti terpilih di luar Negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Ireland, Australia, India dan Czech Republik bagi mengikuti kursus-kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan dan sebagainya. Belajar di universiti dalam negara juga turut mendapat bantuan dan pinjaman pelajaran.

Bagi membolehkan generasi FELDA menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, Kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF). Skim ini bertujuan membantu generasi FELDA terlibat dalam pelbagai projek ekonomi yang dijalankan di dalam rancangan seperti ternakan, tanaman, perusahaan, akuakultur, perniagaan dan kraf. Dengan ini, usahawan dari kalangan generasi FELDA akan dapat dilahirkan. Pinjaman ini turut diberikan kepada mereka yang ingin membesarkan perniagaan dan tidak tertakluk kepada permulaan perniagaan sahaja.

Program kerohanian turut dititikberatkan bagi membolehkan generasi FELDA

tidak terjebak dengan aktiviti yang negatif. Program seperti dakwah berkelompok, Seminar Imam Muda, ceramah perdana dan sebagainya didedahkan kepada golongan terbabit di samping melibatkan mereka dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti di rancangan. Masjid juga terus diimarahkan bagi membolehkan ianya berfungsi sepenuhnya dan bukan sahaja untuk golongan peneroka.

Bagi menggalakkan warga FELDA bergiat dalam bidang sukan, FELDA telah membina 17 buah Kompleks Sukan Komuniti (KSK) yang lengkap dengan kemudahan gelanggang, galeri penonton serta kafeteria. Selain itu, dewan serbaguna turut dibina bertujuan membantu masyarakat rancangan menjalankan aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, perjumpaan dan lain-lain sebagai usaha mengeratkan perpaduan di kalangan warga rancangan FELDA. Sehingga kini sebanyak 55 buah dewan serbaguna telahpun siap dibina melibatkan kos berjumlah RM32.41 juta.

Justeru itu dengan adanya kemudahan tersebut ianya dapat membantu generasi FELDA melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti seterusnya mengelakkan mereka dari melakukan pelbagai aktiviti yang tidak berfaedah.

oooooooooooooooooooo

NO.SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PAD A	Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)
TARIKH	5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kaedah-kaedah yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi merapatkan jurang pendapatan dan perbezaan ekonomi yang meluas di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, bagi merapatkan jurang pendapatan dan perbezaan ekonomi yang meluas antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, Kerajaan antaranya telah mengambil inisiatif untuk menyelaras dan meningkatkan tahap pembangunan di Sabah dan di Sarawak berdasarkan pendekatan koridor ekonomi. Di Sabah, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) manakala di Sarawak, Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE) telah ditubuhkan. Setiap koridor mempunyai Pelan Induk tersendiri beserta pelan tindakan yang akan menjadi panduan utama bagi agihan peruntukan serta pelaburan swasta.

Bidang yang diberi tumpuan termasuk penyediaan infrastruktur bagi mengukuhkan asas ekonomi, pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru dan pembangunan modal insan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi meningkatkan lagi taraf hidup penduduk di Sabah dan Sarawak, peruntukan yang jauh lebih besar berbanding pada masa lalu telah diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh khususnya menerusi program NKRA Infrastruktur Asas

Luar Bandar kepada Sabah dan Sarawak. Tumpuan lebih besar juga telah diberikan bagi meningkatkan pendapatan rakyat melalui pelaksanaan projek agropolitan dan pertanian moden di negeri-negeri tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA 5
TARIKH	JULAI 2010 (ISNIN)
SOALAN	NO.24

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan

(a) apakah sebab sebenar yang berlaku kepada pelajar Malaysia di Mesir yang mengambil Jurusan Qiraat sehingga mereka gagal menduduki peperiksaan pada bulan Mei 2010; dan

(b) apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penuntut Malaysia dalam membantu menyelesaikan masalah ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar yang mengikuti jurusan Tahfiz Al-Quran di Ma'had Qiraat Al-Azhar Mesir (*Syubra* dan *Mansourah*) yang melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah mendaftar dan menduduki peperiksaan tanpa sebarang masalah. Pelajar-pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan adalah merupakan pelajar yang diuruskan oleh agen-agen pengambilan tanpa melalui kementerian.

Perkara ini berlaku adalah disebabkan fail pelajar lewat dihantar ke pejabat Idaratul Wafidin al-Azhar oleh sebuah persatuan yang membantu agen menguruskan kemasukan pelajar tersebut. Fail-fail pelajar tersebut sepatutnya dihantar sebelum atau pada 30 Oktober 2009 sebelum tamat visa pelajar. Walau bagaimanapun, fail tersebut hanya dikemukakan ke Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah (JPMK) pada 26 Disember 2009.

Pada tahun sebelumnya apabila berlaku kes kelewatan seperti ini, Syeikh al-Azhar al-Tantawi (al-Marhum) membenarkan juga fail pelajar dihantar ke Maahad Qiraat walaupun visa pelajar telah tamat tempoh. Namun pada masa kini Syeikh al-Azhar Imam al-Akbar yang baru Dr. Ahmad Tayyib telah bertegas untuk tidak membenarkannya perkara tersebut berulang.

Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, JPMK telah menghantar surat rayuan kepada Syeikh Al-Azhar bertarikh 7 April 2010 untuk meminta pengecualian bagi membenarkan pelajar tahun 1 memasuki peperiksaan. Susulan daripada itu satu perbincangan di antara JPMK dengan Syeikh Dr. Muhammad Wasil pada 4 Mei 2010 telah diadakan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan lisan, manakala peperiksaan bertulis boleh diambil pada semester kedua iaitu pada bulan Julai 2010.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik
DARIPADA Pulau]

5 JULAI 2010

TARIKH Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau
SOALAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kos
dan perbelanjaan yang diperuntukkan oleh
Kerajaan kepada kumpulan lobi dan pihak- pihak
yang menjayakan pertemuan di antara Perdana Menteri
Malaysia dan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama.
(?5j)

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapit diatas soalan yang telah dikemukakan. Dalam perkara ini, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Bachok 9 Jun 2010 dan soalan Yang Berhormat Pasir Salak bertarikh 23 Jun 2010, oleh sebab kesemua pertanyaan berkisar tentang lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak telah menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat.

YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Semasa perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua pemimpin antara lain telah berbincang dan bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua

hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan; pengajian tinggi; pelancongan; dan teknologi.

YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk menjelaskan kepada Presiden Obama perkembangan dalam negara, termasuk pelancaran dasar Model Ekonomi Baru; usaha-usaha Kerajaan untuk menambah perdagangan dua hala serta menarik pelabur-pelabur asing, termasuklah dari Amerika Syarikat, serta Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan April baru-baru ini.

Isu-isu lain yang dibincangkan ialah kerjasama memerangi dan membanteras pemerdagangan manusia dan keganasan antarabangsa; bantuan Malaysia kepada Afghanistan; pencalonan Malaysia untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*); Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Strategic Economic Partnership - TPP*); perlucutan senjata dan ketakcambahan nuklear, termasuk program nuklear negara Iran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai hasil lawatan, saya ingin memaklumkan bahawa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah banyak mendatangkan faedah kepada negara. Ini termasuklah berjaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga merapatkan hubungan di antara pemimpin kedua-dua negara.

iffii PARLIMEN MALAYSIA

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KETIGA PARLIMEN KEDUABELAS
2010**

DEWAN RAKYAT

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN: 5 JULAI 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DI ALAM DEWAN (SOALAN
NO. 11 HINGGA 59)

NOT A: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK
 PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO. AUM

NO. AUP : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

TARIKH 5 JULAI 2010

RUJUKAN 2778

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap kebanjiran pendatang asing daripada negara Kemboja telah mengancam penduduk di kawasan kampung terutama pedalaman. Status kedatangan mereka ini diragui dan pada masa ini juga mereka berleluasa menjalankan aktiviti perniagaan dan pertanian serta timbul populasi Kemboja di kampung-kampung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti

kehadiran warganegara Kemboja di Malaysia lazimnya adalah berdasarkan tujuan kemasukan seperti berikut:

- i) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan lawatan sosial, seperti untuk melawat saudara mara yang berada di negara ini; dan
- ii) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan untuk bekerja.

Tidak dinafikan terdapat segelintir warganegara asing ini yang masuk secara sah dan didapati melanggar syarat pas mereka, seperti menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia. Antara tindakan yang telah diambil adalah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara. Dalam hubungan ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 7,099 operasi sepanjang tahun 2009 di mana sejumlah 505 tangkapan telah dibuat yang melibatkan warganegara Kemboja. Bagi tempoh yang sama juga seramai 897 orang warganegara Kemboja telah diusir ke negara asal.

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN
 MD TAIB [BALING]**

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan kewujudan kawasan industri hidrokarbon bakal menjana limpahan ekonomi di kawasan Yan, Kedah sebagaimana Kerteh dan Gebeng. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Kedah memaksimumkan pembangunan kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pelaburan di semua negeri di Malaysia, sama ada pelaburan daripada pelabur asing atau domestik. Untuk projek Hab Hidrokarbon Sungai Limau, Kerajaan Negeri Kedah telah mengumumkannya semenjak tahun 2007 lagi. Mengikut

perancangan kerajaan Negeri Kedah, kawasan ini adalah untuk pemprosesan minyak mentah yang diimport dari Timur Tengah untuk dieksport semula ke China dan negara Asia lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIDA telah meluluskan insentif kepada dua syarikat untuk menjalankan aktiviti berkaitan penapisan minyak di kawasan industri ini. Namun, salah satu syarikat yang diluluskan projek penapisan minyak mentah di kawasan ini telah menukar tapak ke Bagan Datok, Perak. Manakala, syarikat yang satu lagi telah menangguhkan projek kerana masih dalam peringkat penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Terperinci untuk penilaian Jabatan Alam Sekitar.

Sekiranya semua isu dapat diselesaikan dan kelulusan telah diperolehi termasuk daripada Jabatan Alam Sekitar dan projek ini bersedia untuk dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan bersedia bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memaksimumkan limpahan ekonomi daripada projek ini.

NO. SOALAN:13..
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : Y.B TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI
JUSOH[DUNGUN]

TARIKH : 5 JULAI 2010

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pejabat-pejabat di peringkat Zon pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) termasuk menambahkan perjawatan dan mewujudkan jawatan baru bagi Unit Penguatkuasaan, Unit Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Unit Dakwah dan Pegawai Masjid Bahagian Kariah.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memartabatkan pentadbiran dan pengurusan Hal Ehwal Islam di Negara ini. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Waran Perjawatan yang baru diluluskan iaitu Bilangan, A 178 bertarikh pada 1 Disember

2007 kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Sehubungan itu, pada bulan Mei 2008 jabatan telah melaksanakan pentadbiran Hal Ehwal Islam dengan menubuhkan pejabat pentadbiran peringkat zon dengan enam (6) zon di Kuala Lumpur, satu (1) zon di Putrajaya dan satu (1) zon di Wilayah Persekutuan Labuan. Pejabat-pejabat pentadbiran pusat zon tersebut berperanan menyelaras pentadbiran masjid, surau jumaat dan surau sahaja.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan juga sedang mengkaji dan meneliti cadangan keperluan untuk menaikkan taraf

pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat zon yang meliputi peranan dan tanggungjawab penguatkuasaan, perkahwinan dan kekeluargaan, dakwah serta pengurusan masjid dan surau.

Sekian, terima kasih.

No: 14

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)
LISAN**

PERTANYAAN

TARIKH **5.7.2010**

SOALAN NO **14**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pelaburan dalam pasaran saham yang dilakukan oleh KWSP dalam tahun 2008 dan 2009. Nyatakan identiti 5 syarikat broker yang mengendalikan pembelian saham terbesar untuk KWSP dan kadar komisyen yang dibayar untuk setiap syarikat broker ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelaburan KWSP dalam pasaran saham tahun 2008 ialah RM73.99 bilion dan 2009

sebanyak RM79.81 bilion.

2. KWSP mempunyai garis panduan yang ketat dalam melantik syarikat broker sebelum dipilih sebagai Panel Broker KWSP. Perlantikan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan selepas mengambilkira beberapa kriteria termasuklah kedudukan kewangan syarikat, pengurusan risiko serta kualiti bukan kewangan yang lain. Panel Broker KWSP tersebut akan dinilai prestasi mereka secara telus dan berterusan setiap 6 bulan sekali bagi memastikan tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap syarikat broker tersebut berada di tahap yang terbaik dan memenuhi keperluan KWSP.
3. Seterusnya, penarafan akan diberikan kepada setiap broker tersebut berdasarkan prestasi perkhidmatan yang diberikan. Di antara kriteria yang diukur dan dinilai ialah kecekapan dalam urusniaga, penyelidikan ekuiti, pengurusan risiko dan kewangan serta pentadbiran dan penjelasan saham. Urusniaga belian dan jualan saham kemudiannya akan diagihkan berdasarkan kepada kedudukan mereka dalam senarai penarafan tersebut. Lima (5) syarikat broker terbesar yang dilantik ialah CIMB Investment Bank, RHB Investment Bank, AM Investment Bank, Affin Securities, KAF Investment Bank dan OSK Investment Bank.
4. KWSP merupakan salah sebuah institusi pelaburan terbesar di Malaysia, oleh itu kadar komisyen yang diperolehi adalah kompetitif apabila berurusan dengan pihak broker saham.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN
DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] 5 JULAI
2010 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan sektor swasta dalam menjayakan Model Ekonomi Baru negara dan bagaimana ianya berbeza dengan model ekonomi yang wujud pada hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Model Ekonomi Baru (MBE) menyarankan supaya sektor swasta menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi dan pelaburan berpandukan pasaran. Aspirasi ini adalah selaras dengan dasar ekonomi sedia ada. Walaubagaimanapun, Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) berpendapat bahawa masih terdapat skop yang luas untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta berbanding keadaan semasa.

Antara cadangan MBE ke arah ini adalah untuk memperkuatkan persekitaran persaingan serta menghapuskan herotan pasaran. Dengan ini, pengagihan sumber ekonomi dan pelaburan akan tertumpu kepada

syarikat dan industri yang mampu berdaya saing dan bernilai tambah tinggi. Bagi merangsangkan keusahawanan sektor swasta, salah satu cadangan adalah untuk memudahkan undang-undang kebankrapan.

Kerajaan pula berperanan menjadi fasilitator yang cekap bagi membantu sektor swasta terus berkembang dan berdaya saing. Selaras dengan itu, MBE bercadang Kerajaan mengurangkan lagi penyertaannya secara langsung dalam ekonomi dan untuk syarikat Kerajaan tidak berkecimpung dalam industri yang sektor swasta sudahpun beroperasi dengan berkesan. RMKe-10 menekankan kepada pewujudan usahasama efektif di antara Kerajaan dan sektor swasta bagi memerangsangkan pelaburan swasta, terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru dan strategik.

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN JAWAPAN PERTANYAAN LISAN

TARIKH **5 JULAI 2010 (ISNIN)**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY**

SOALAN Minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan konsep

1 Malaysia dan menarik balik konsep ini memandangkan konsep ini hanya satu konsep kosong tanpa pelan struktur yang konkret untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

1 Malaysia adalah gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berpaksikan kepada tiga (3) teras utama dan penerapan empat (4) nilai murni dan lapan (8) nilai aspirasi secara khusus dan konkret. 1 Malaysia juga disertai dengan komitmen supaya “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” yang diterjemahkan secara konkret melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) dan Program Transformasi Ekonomi (PTE) untuk menghasilkan perubahan dan impak yang besar dan spesifik untuk manfaat semua rakyat dan untuk mencapai Wawasan 2020 bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju.

Antara tiga (3) teras perpaduan, yang pertama ialah saling hormat-menghormati dan penerimaan kepelbagaian etnik dan budaya sebagai satu kelebihan dan kekuatan negara. Yang kedua ialah penyerapan prinsip-prinsip kenegaraan yang berasaskan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara. Yang ketiga ialah keadilan sosial supaya semua rakyat Malaysia akan terbela dan dasar-dasar dilaksanakan secara adil untuk mengatasi perbezaan yang wujud dari segi kemajuan sosio-ekonomi di antara

golongan. Penerimaan empat (4) nilai murni pula mengandungi nilai hormat-menghormati, rendah hati atau tawadhus, kesederhanaan dan berbudi bahasa.

Penerapan teras-teras dan nilai-nilai murni tersebut memang amatlah penting kerana pergaulan dan perhubungan di antara etnik sememangnya hendaklah dipandu oleh manifestasi nilai-nilai ini serta sikap yang positif dan pendekatan yang membina supaya menguruskan perbezaan dan percanggahan, sekiranya timbul. Hanya demikian, perhubungan yang lebih erat, persefahaman yang lebih jitu dan perpaduan yang lebih kukuh dapat dipupuk, manakala salah faham dan sengketa dapat dielakkan.

Penerapan lapan (8) nilai aspirasi, iaitu, budaya berprestasi tinggi, budaya ketetapan, budaya ilmu, budaya inovasi, integriti, ketabahan, kesetiaan dan kebijaksanaan adalah lebih ditujui untuk memantapkan komitmen, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.” Dipandu oleh semangat Gagasan 1 Malaysia dan nilai-nilai aspirasi ini, Program Transformasi Kerajaan (PTK) telah mulai dilaksanakan sejak bulan Julai tahun yang lalu dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan, iaitu, metodologi Makmal (*Lab*) dan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI). Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA telah dikenalpasti.

Sememangnya, PTK adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanannya dan kecekapan sistem pelaksanaan dan penyampaian jentera kerajaan supaya hasilnya dapat dinikmati oleh semua dengan nyata dan adil. Misalnya, NKRA untuk memerangi rasuah adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi integriti urus tadbir kerajaan, manakala NKRA untuk mengurangkan jenayah akan menjamin satu suasana yang lebih selamat untuk semua. NKRA pendidikan memberi tumpuan untuk meningkatkan lagi pendidikan pra-sekolah bagi kanak-kanak supaya jurang perbezaan

yang wujud dapat dikurangkan. Begitu juga tujuannya untuk NKRA membangunkan infrastruktur luar bandar dan NKRA meningkatkan taraf hidup isirumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan lagi kualiti hidup bagi kumpulan-kumpulan sasaran. PTK telah diterbit dan diedarkan selepas sesi-sesi Hari Terbuka yang diadakan secara telus. Pelaksanaan NKRA-NKRA ini telah mendatangkan hasil awalan yang menggalakkan yang dijangka akan memberi sumbangan secara langsung atau tidak kepada perpaduan antara etnik.

Dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE), melalui Model Baru Ekonomi yang akan merangkumi RMK-10 dan RMK-11, selain daripada matlamat untuk mencapai ekonomi yang berpendapatan tinggi, tumpuan diberi untuk “keterangkuman sosial” atau *social inclusiveness* supaya mereka yang berpendapatan 40 peratus ke bawah akan diberi perhatian yang khusus supaya mereka tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara. Beberapa NKRA di bawah PTK sedang dilaksanakan khusus untuk tujuan ini. Selain daripada itu, beberapa idea utama di bawah Model Baru Ekonomi dan RMK-10 akan juga menghasilkan kesan positif untuk memupuk kerjasama dan perpaduan antara etnik, termasuklah memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa; memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan mudah terjejas; serta menyokong perkongsian pintar dan berkesan.

Adalah jelas bahawa PTK dan PTE yang diilhamkan dan didorong oleh Gagasan 1 Malaysia bersama-sama dengan RMK-10, apabila dilaksanakan dengan berkesannya, dijangka akan mendatangkan kesan positif secara konkret terhadap perpaduan negara dan integrasi nasional melalui peningkatan ekonomi dan pendapatan serta menjamin keterangkuman sosial. Oleh itu, Gagasan 1 Malaysia bukanlah konsep atau cogankata kosong seperti yang disifatkan oleh Yang Berhormat. Di sebaliknya, ianya mempunyai

banyak program dan langkah yang konkret untuk membawa kemajuan dan manfaat bagi rakyat jelata serta memupuk perpaduan negara..

SOALAN (17)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

5 JULAI 2010 (ISNIN)

DARIPADA

Y.B. DATO'SERI HAJIAZMI BIN KHALID
(PADANG BESAR)

SOALAN

Y.B. DATO¹ SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar di negara maju, sisa pepejal adalah antara sumber terpenting dalam sektor penjanaan kuasa elektrik. Sama ada Kerajaan masih bersedia untuk melihat semula teknologi-teknologi yang terkini, memandangkan tidak lama lagi negara kita menghadapi kekangan sumber bagi penjanaan kuasa elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya sedar di negara-negara maju, sisa pepejal bukan sahaja dijadikan sumber bagi penjanaan kuasa elektrik tetapi juga tenaga untuk "*central heating*" atau pemanasan berpusat di rumah-rumah kediaman. Dalam hal ini, pelbagai teknologi rawatan dan pelupusan sisa pepejal telah dikenalpasti bagi menjana tenaga yang boleh diperbaharui. Antara teknologi-teknologi tersebut adalah seperti kaedah loji rawatan termal, *refuse derived fuel* (RDF), *anaerobic digester* atau rawatan biologi lain.

Bagi membuktikan kesungguhan ini, KP KT sedang membina sebuah insinerator mini di Pulau Langkawi yang boleh menjana 1 megawatt (MW) tenaga elektrik. Di samping itu, KP KT telah memberi kebenaran kepada sebuah syarikat tempatan untuk membina sebuah loji protaip di tapak pelupusan sisa pepejal di Krubong, Melaka yang boleh merawat sisa pepejal dan menghasilkan gas, minyak dan karbon. KP KT juga sedang menjalankan kajian ke atas loji RDF sedia ada yang dibina untuk menjana 8 megawatt (MW) tenaga elektrik bagi memastikan ianya berdaya maju dan boleh menjana tenaga secara konsisten dengan kos efektif dan mesra alam.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA AW-.
PARLIMEN KEDUA BELAS 18
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

**DARIPADA YB TUAN MOHD FIRDAUS
LISA BIN JAAFAR
N (JERAI)**

TARIKH

SOALAN

5 JULAI 2010

**Minta Menteri 18 Kemajuan Luar
Bandar dan Wilayah**

bilakah kuota tiga orang Ahli Lembaga Pengarah bagi mewakili Kerajaan negeri Kedah dalam organisasi KEDA akan diisi selepas pentadbiran negeri bertukar tangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, YB Dato' Seraja Setia Dato' Wira Haji Rasli bin Basir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah telah dilantik untuk menggantikannya sebagai Pengarah KEDA berkuatkuasa 17 November 2009 sebagai wakil Kerajaan Negeri Kedah mengantikan YB Dato' Bijaya Indera Dato' Wira Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah Shahabuddin, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang tamat tempoh sebagai ahli Lembaga Pengarah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelantikan bagi dua orang lagi Ahli Lembaga Pengarah KEDA mewakili Kerajaan Negeri Kedah sedang dalam proses pelantikan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri akan dimaklumkan mengenai perkara ini sebaik sahaja proses tersebut selesai.

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]
TARIKH	5 JULAI 2010

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai perancangan untuk membina hospital Daerah di kawasan Hulu Selangor

- (a) sekiranya ada, di mana dan jangka masa ianya akan siap; dan
- (b) sekiranya tiada, apakah perancangan masa depan.
- (a) Buat masa ini, tiada perancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan Hulu Selangor memandangkan telah terdapat sebuah hospital sedia ada iaitu Hospital Kuala Kubu Bharu. Mengambil kira keperluan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di Hulu Selangor, Kementerian telah berusaha untuk menaikkan taraf Hospital Kuala Kubu Bharu dengan melaksanakan projek-projek berikut:-

Tuan Yang Dipertua,

- (i) Pembinaan Unit Forensik (Mortuary)
 - (ii) Naiktaraf Wad, Unit Sajian dan LPG Plant Room di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 tahun 2009
 - (iii) Naiktaraf Sistem Pendawaian Elektrik, Jalan Raya, Naiktaraf Bangunan Hemodialisis di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2 tahun 2010
 - (iv) Naiktaraf projek-projek di bawah butiran projek BP 00600 seperti naiktaraf pendawaian (Makmal Biokimia), naiktaraf lantai lepaan simen kepada jubin, pemasangan alat penghawa dingin dan lain-lain lagi.
- (b) Pihak kementerian telah memohon sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 di Bukit Sentosa di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan sedang menunggu kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu juga, terdapat 2 buah Klinik 1 Malaysia yang telah dibuka di Bukit Sentosa dan Taman Bunga Raya dan telah dibuka secara rasmi pada bulan Mei 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

JAWAPAN TUAU MANIKAVASAGAM AS AG AM A/L SUNDARAM

TARIKH

5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

N0.20

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) jumlah pelajar yang telah diambil memasuki IPTA mengikut jurusan bagi tahun 2000-2010; dan
- (b) berikan pecahan mengikut kaum bagi tahun 2000-2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pemilihan kemasukan ke IPTA sehingga Sesi Akademik 2001/2002 ialah berasaskan prinsip kuota iaitu 55% Bumiputera, 35% Cina, dan 10% India dan lain-lain. Walau bagaimanapun mulai Sesi Akademik 2002/2003 prinsip meritokrasi dilaksanakan. Manakala mulai Sesi Akademik 2006/2007 pula Jemaah Menteri memutuskan bahawa dasar pemilihan kemasukan ke IPTA adalah

berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

Jumlah pelajar lepasan STPM/Setaraf yang ditawarkan tempat ke program pengajian kompetitif ambilan Julai dari tahun 2002 hingga 2009 mengikut pecahan kaum adalah seperti jadual berikut:

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATO'LILAH BIN YASIN (JEMPOL)**

TARIKH **05.07.2010**

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pelajar yang berada di tingkatan enam; dan
- (b) bilakah Kementerian akan menaik taraf tingkatan enam supaya lebih diminati.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang mengikuti pendidikan di Tingkatan Enam adalah sebanyak 95,426 orang. Bermula pada tahun 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telahpun memulakan usaha-usaha untuk memperkasakan dan menaik taraf Tingkatan Enam melalui program Penjenamaan Semula Tingkatan Enam (*Rebranding*).

Untuk menjadikan Tingkatan Enam lebih berkualiti dan menarik, penjadualan semula telah dilakukan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dengan memasukkan unsur-unsur penyelidikan dan kolokium untuk menyediakan minda murid supaya mendekati kaedah pembelajaran di universiti.

Di samping itu juga perjawatan untuk guru Tingkatan 6 telah diwujudkan, di antaranya ialah kenaikan pangkat ke gred DG44, DG48 dan DG52. Kenaikan pangkat kepada guru-guru ini adalah bertujuan agar mereka dapat melaksanakan P&P yang lebih berkualiti bagi memastikan pencapaian murid yang lebih cemerlang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
TARIKH **5 JULAI 2010**

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh FELDA bagi menyediakan generasi kedua dan ketiga FELDA menghadapi saingan ekonomi dan tekanan sosial di tanah-tanah rancangan.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program khusus untuk generasi FELDA bagi menghadapi saingan ekonomi dan tekanan sosial di tanah-tanah rancangan. Penyediaan program ini meliputi bidang pendidikan, keusahawanan, kerohanian, aktiviti sukan dan rekreasi dan sebagainya.

Dalam bidang pendidikan, Kerajaan menyediakan sejumlah RM50 juta untuk melatih 5,000 generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran setiap tahun. Tumpuan diberikan dalam bidang latihan kemahiran di pelbagai

institusi kemahiran khususnya bagi kemahiran berprofail tinggi yang mempunyai pasaran kerja yang terbuka. Sehingga kini seramai 29,243 generasi baru telah dapat dilatih dalam pelbagai latihan termasuk 260 pelatih yang menjalani *Trainee Aircraft Maintenance Engineer* dan 53 pelatih *Trainee Junior Technicion* di *Malaysian Airlines System (MAS)*. Sejak tahun 2005, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM188.8 juta untuk melatih generasi baru. Dengan adanya pendidikan ini, maka diharap generasi baru FELDA mampu bersaing dalam pasaran ekonomi yang lebih terbuka ini.

Bagi pelajar cemerlang, FELDA menawarkan dana khas pelajar cemerlang yang mula diwujudkan pada tahun 2005. Program ini menawarkan pelajar cemerlang mengikuti pengajian ke universiti - universiti terpilih di luar Negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Ireland, Australia, India dan Czech Republik bagi mengikuti kursus-kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan dan sebagainya. Belajar di universiti dalam negara juga turut mendapat bantuan dan pinjaman pelajaran.

Bagi membolehkan generasi FELDA menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, Kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF). Skim ini bertujuan membantu generasi FELDA terlibat dalam pelbagai projek ekonomi yang dijalankan di dalam rancangan seperti ternakan, tanaman, perusahaan, akuakultur, perniagaan dan kraf. Dengan ini, usahawan dari kalangan generasi FELDA akan dapat dilahirkan. Pinjaman ini turut diberikan kepada mereka yang ingin membesarkan perniagaan dan tidak tertakluk kepada permulaan perniagaan sahaja.

Program kerohanian turut dititikberatkan bagi membolehkan generasi FELDA

tidak terjebak dengan aktiviti yang negatif. Program seperti dakwah berkelompok, Seminar Imam Muda, ceramah perdana dan sebagainya didedahkan kepada golongan terbabit di samping melibatkan mereka dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti di rancangan. Masjid juga terus diimarahkan bagi membolehkan ianya berfungsi sepenuhnya dan bukan sahaja untuk golongan peneroka.

Bagi menggalakkan warga FELDA bergiat dalam bidang sukan, FELDA telah membina 17 buah Kompleks Sukan Komuniti (KSK) yang lengkap dengan kemudahan gelanggang, galeri penonton serta kafeteria. Selain itu, dewan serbaguna turut dibina bertujuan membantu masyarakat rancangan menjalankan aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, perjumpaan dan lain-lain sebagai usaha mengeratkan perpaduan di kalangan warga rancangan FELDA. Sehingga kini sebanyak 55 buah dewan serbaguna telahpun siap dibina melibatkan kos berjumlah RM32.41 juta.

Justeru itu dengan adanya kemudahan tersebut ianya dapat membantu generasi FELDA melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti seterusnya mengelakkan mereka dari melakukan pelbagai aktiviti yang tidak berfaedah.

oooooooooooooo oooo oo

NO.SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)
TARIKH	5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kaedah-kaedah yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi merapatkan jurang pendapatan dan perbezaan ekonomi yang meluas di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, bagi merapatkan jurang pendapatan dan perbezaan ekonomi yang meluas antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, Kerajaan antaranya telah mengambil inisiatif untuk menyelaras dan meningkatkan tahap pembangunan di Sabah dan di Sarawak berdasarkan pendekatan koridor ekonomi. Di Sabah, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) manakala di Sarawak, Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE) telah ditubuhkan. Setiap koridor mempunyai Pelan Induk tersendiri beserta pelan tindakan yang akan menjadi panduan utama bagi agihan peruntukan serta pelaburan swasta.

Bidang yang diberi tumpuan termasuk penyediaan infrastruktur bagi mengukuhkan asas ekonomi, pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru dan pembangunan modal insan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi meningkatkan lagi taraf hidup penduduk di Sabah dan Sarawak, peruntukan yang jauh lebih besar berbanding pada masa lalu telah diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh khususnya menerusi program NKRA Infrastruktur Asas

Luar Bandar kepada Sabah dan Sarawak. Tumpuan lebih besar juga telah diberikan bagi meningkatkan pendapatan rakyat melalui pelaksanaan projek agropolitan dan pertanian moden di negeri-negeri tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

TARIKH

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA 5

SOALAN

**JULAI 2010 (ISNIN)
NO.24**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan**

- (a) apakah sebab sebenar yang berlaku kepada pelajar Malaysia di Mesir yang mengambil Jurusan Qiraat sehingga mereka gagal menduduki peperiksaan pada bulan Mei 2010; dan
- (b) apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penuntut Malaysia dalam membantu menyelesaikan masalah ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar yang mengikuti jurusan Tahfiz Al-Quran di Ma'had Qiraat Al-Azhar Mesir (*Syubra* dan *Mansourah*) yang melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah mendaftar dan menduduki peperiksaan tanpa sebarang masalah. Pelajar-pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan adalah merupakan pelajar yang diuruskan oleh agen-agen pengambilan tanpa melalui kementerian.

Perkara ini berlaku adalah disebabkan fail pelajar lewat dihantar ke pejabat Idaratul Wafidin al-Azhar oleh sebuah persatuan yang membantu agen menguruskan kemasukan pelajar tersebut. Fail-fail pelajar tersebut sepatutnya dihantar sebelum atau pada 30 Oktober 2009 sebelum tamat visa pelajar. Walau bagaimanapun, fail tersebut hanya dikemukakan ke Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah (JPMK) pada 26 Disember 2009.

Pada tahun sebelumnya apabila berlaku kes kelewatan seperti ini, Syeikh al-Azhar al-Tantawi (al-Marhum) membenarkan juga fail pelajar dihantar ke Maahad Qiraat walaupun visa pelajar telah tamat tempoh. Namun pada masa kini Syeikh al-Azhar Imam al-Akbar yang baru Dr. Ahmad Tayyib telah bertegas untuk tidak membenarkannya perkara tersebut berulang.

Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, JPMK telah menghantar surat rayuan kepada Syeikh Al-Azhar bertarikh 7 April 2010 untuk meminta pengecualian bagi membenarkan pelajar tahun 1 memasuki peperiksaan. Susulan daripada itu satu perbincangan di antara JPMK dengan Syeikh Dr. Muhammad Wasil pada 4 Mei 2010 telah diadakan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan lisan, manakala peperiksaan bertulis boleh diambil pada semester kedua iaitu pada bulan Julai 2010.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yus off

DARIPADA

[Balik Pulau]

TARIKH

5 JULAI 2010

SOALAN (8j)

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan kos dan perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada kumpulan lobi dan pihak-pihak yang menjayakan pertemuan di antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapit diatas soalan yang telah dikemukakan. Dalam perkara ini, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Bachok 9 Jun 2010 dan soalan Yang Berhormat Pasir Salak bertarikh 23 Jun 2010, oleh sebab kesemua pertanyaan berkisar tentang lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak telah menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat.

YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Semasa perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua pemimpin antara lain telah berbincang dan bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua

hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan; pengajian tinggi; pelancongan; dan teknologi.

YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk menjelaskan kepada Presiden Obama perkembangan dalam negara, termasuk pelancaran dasar Model Ekonomi Baru; usaha-usaha Kerajaan untuk menambah perdagangan dua hala serta menarik pelabur-pelabur asing, termasuklah dari Amerika Syarikat, serta Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan April baru-baru ini.

Isu-isu lain yang dibincangkan ialah kerjasama memerangi dan membanteras pemerdagangan manusia dan keganasan antarabangsa; bantuan Malaysia kepada Afghanistan; pencalonan Malaysia untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*); Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Strategic Economic Partnership - TPP*); perlucutan senjata dan ketakcambahan nuklear, termasuk program nuklear negara Iran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai hasil lawatan, saya ingin memaklumkan bahawa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah banyak mendatangkan faedah kepada negara. Ini termasuklah berjaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga merapatkan hubungan di antara pemimpin kedua-dua negara.

Dalam perbincangan tersebut, jelas bahawa Kerajaan Amerika Syarikat

melihat Malaysia sebagai rakan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan di rantau Asia Tenggara.

Kerajaan AS juga menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang moden, progresif dan saling hormat-menghormati hak agama lain.

Presiden Obama telah menyatakan harapan agar Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam dunia Islam dan membantu Amerika Syarikat dalam usaha mereka ke arah mendekati dunia Islam. Hasrat ini diterima baik oleh YAB Perdana Menteri dan dalam masa yang sama beliau turut memuji usaha pihak AS untuk merapatkan jurang dengan dunia Islam.

Lawatan YAB Perdana Menteri tersebut telah berjaya menarik minat syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia. Ini dapat dilihat dari pelaburan oleh beberapa syarikat gergasi Amerika Syarikat dalam bidang penyelidikan dan pembuatan berjumlah sebanyak RM 5 billion di Malaysia sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi, penyertaan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak ke Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan

mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Jemputan Presiden Obama kepada YAB Perdana Menteri merupakan pengiktirafan Amerika Syarikat kepada Malaysia sebagai negara membangun yang dinamik dan berjaya. Sekiranya Malaysia tidak berjaya dan tidak dihormati dalam komuniti global, Presiden Obama tidak akan meluangkan masa untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan YAB Perdana Menteri, malah mungkin Malaysia tidak diundang sama sekali untuk menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington D.C.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa tidak timbul soal Kerajaan Malaysia membayar mana-mana kumpulan lobi atau lain-lain pihak untuk menjayakan pertemuan antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT 2010

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)

PERTANYAAN HISAN

TARIKH 05.07.2010

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan jangkaan hutang Kerajaan negara kita dalam tahun 2020. Apakah langkah-langkah yang akan diguna pakai untuk mengurangkan hutang Kerajaan kita memandangkan pada tahun 2009, hutang Kerajaan kita menjangkau RM362.5 billion.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan paras defisit dan hutang terus terkawal. Paras hutang Kerajaan Persekutuan telah berjaya dikurangkan selama lima tahun berturut-turut daripada 45.7% Keluaran Dalam Negeri Kasar (KNDK) pada tahun 2004 kepada 41.4% KDNK pada tahun 2008. Walau bagaimanapun pada tahun 2009 hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada 53.3% KNDK berikutan penguncupan pertumbuhan ekonomi dan penurunan hasil serta perbelanjaan dua pakej rangsangan ekonomi susulan krisis kewangan global yang tidak dapat dielakkan.

2. Kerajaan Persekutuan akan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat bagi memastikan paras hutang yang terurus, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan kepada paras yang lebih rendah pada jangka masa sederhana dan panjang sehingga ke tahun 2020 melalui peningkatan sumber hasil dan pengawalan perbelanjaan yang lebih baik. Antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti berikut:

- (i) dasar semasa Kerajaan ialah mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Ini adalah kerana mudah tunai yang tinggi di pasaran domestik dan kos pinjaman yang lebih murah.
- (ii) bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan di samping memelihara kedudukanimbangan pembayaran, pengurusan hutang

luar negari disokong oleh sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh. Ini bagi membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negari keseluruhan;

- (iii) selaras dengan matlamat konsolidasi kedudukan fiskal secara berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan sedang mengkaji penstrukturran sistem subsidi bahan api yang merupakan sebahagian besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan;
- (iv) bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa menjaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (*public-private partnership* program) untuk beberapa projek berimpak tinggi termasuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam; dan
- (v) untuk memperkuatkannya aliran pendapatan, Kerajaan sedang berusaha memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (*goods and services tax*, GST). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekaligus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak.

3. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Usaha-usaha ini akan membantu memastikan paras hutang dan defisit Kerajaan Persekutuan tidak akan meningkat sehingga menjaskan kemampuan negara membayar balik hutang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini draf undang- undang *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976* yang dinanti- nantikan oleh golongan wanita sekian lama.

JAWAPAN: DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pindaan kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*] setakat yang menyentuh seksyen 12 Akta 164 bagi mengiktiraf hak ibu untuk memberi kebenaran berkahwin kepada anaknya yang berusia di bawah umur 21 tahun serta pindaan kepada seksyen 95 Akta 164 bagi melanjutkan nafkah anak yang

berusia melebihi 18 tahun sekiranya anak itu melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan lebih tinggi atau latihan telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan pindaan tambahan terhadap Akta 164 berbangkit daripada suatu mesyuarat yang telah diadakan di antara Jabatan Peguam Negara dengan Majlis Peguam. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan beberapa pindaan dilakukan kepada Akta 164 berhubung dengan isu dekri pembatalan bagi perkahwinan batal (*void marriage*) dan perkahwinan boleh batal (*voidable marriage*) yang memerlukan dekri nisi dan seterusnya boleh dijadikan mutlak. Cadangan ini masih dalam kajian dan penelitian lanjut Jabatan Peguam Negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN

KAWASAN PETALING JAYA SELATAN

TARIKH 5.7.2010 (ISNIN)
NO. SOALAN : 2-\$'

TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan:

- (a) senaraikan kes-kes dan jumlah kerosakan teknikal atau kepincangan (**defect**) yang dialami oleh semua kereta keluaran PROTON dan PERODUA setelah berada di pasaran; dan

- (b) kenapakah tindakan segera dan pengumuman tidak dimaklumkan kepada pembeli sepetimana langkah berkesan diambil oleh model terkenal seperti Honda, Toyota dan lain-lain.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Secara umumnya, sehingga kini tiada sebarang kes atau kerosakan teknikal yang serius dilaporkan bagi kenderaan-kenderaan keluaran PROTON dan PERODUA. Kedua-dua pengeluar tersebut dalam membangunkan model-modelnya telah mengambil langkah-langkah wajar bagi memenuhi serta menepati piawaian kesefamatan serta spesifikasi antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, isu-isu teknikal yang dihadapi oleh PROTON tidak melibatkan ciri-ciri keselamatan yang boleh mendatangkan kemudarat kepada pengguna. Statistik kerosakan teknikal bagi setiap 100 unit kenderaan PROTON berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh pihak ketiga, dengan izin **JD Power Asia Pasific Survey** untuk tahun 2009 adalah seperti berikut:

	SAGA	PERSONA	EXORA	SAVVY	NEO	GEN-2	WAJA
Seat	8	6	15	8	3	6	7
Audio System	4	6	25	14	5	6	11
Interior	7	7	17	9	5	15	12
Heater & Air-conditioning	12	11	40	6	13	30	9
Functional	20	22	40	18	24	27	38
Driving Experience	23	39	51	26	49	33	27
Engine & Transmission	38	31	48	39	58	42	26
Exterior	46	48	57	34	38	64	62

Bagi PERODUA pula, secara puratanya, jumlah kes dan laporan yang dikemukakan oleh pengguna adalah adalah kurang daripada 2 peratus dari jumlah jualan keseiuruhan kenderaan yang dikeluarkan. Waiau bagaimanapun, PERODUA sentiasa mendengar dan mengambil kira segala aduan para pembeli termasuk keperluan pelanggan bagi tujuan pembaikan berterusan. Setakat ini, antara kes-kes yang sering dikemukakan oleh pengguna kepada PERODUA sejak dari tahun 2007 adalah seperti berikut:

- (ii) dengan izin, ***recall*** yang mana melibatkan masalah keselamatan seperti ***rim cracked, jack assy failure*** dan ***rear wheel bearing failure.***

Di bawah kategori pertama, PROTON dan PERODUA akan berhubung terus dengan pelanggan melalui surat, panggilan telefon atau sistem pesanan ringkas. Pengguna-pengguna tersebut akan dinasihatkan oleh kakitangan teknikal bagi merujuk kenderaan-kenderaan mereka kepada pusat-pusat khidmat selepas jualan serta pusat-pusat servis bertauliah PROTON dan PERODUA.

Di bawah kategori kedua pula, tiada sebarang kes-kes serius melibatkan isu keselamatan direkodkan oleh PROTON dan PERODUA. Justeru, tiada pengumuman rasmi yang menyeluruh dibuat sebagaimana dilakukan oleh pengeluar kenderaan utama global seperti Toyota dan Honda. Walau bagaimanapun, PROTON selama 25 tahun beroperasi telah mengeluarkan kenyataan akhbar dan memaklumkan kepada penggunanya sebanyak empat kali mengenai isu teknikal berkaitan keselamatan yang dikenalpasti seperti berikut:

TAHUN	MODEL	ISU	JUMLAH TERLIBAT (UNIT)	MEDIUM KOMUNIKASI
2001	PERDAN A	<i>Suspension failure</i>	42,180	Media cetak/ media elektronik/ laman web / telefon/ SMS / surat
2004	WAJA	<i>Rim cracked</i>	5,211	
2007	GEN2 / NEO	<i>Jack assy failure</i>	97,616	
2008	SAVY	<i>Rear wheel bearing failure</i>	29,556	

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN **JAWAB LISAN PUAN**
DARIPADA **TAN AH ENG 5 JULAI**
TARIKH **2010 (ISNIN) NO.29**
SOALAN

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) bilakah pihak Kementerian menerima Sijil Peperiksaan bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia; dan
- (b) jumlah biasiswa yang telah dibahagikan melalui PTPTN kepada pemegang Sijil Peperiksaan bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia pada tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sijil-sijil yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah persendirian Cina perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebelum diberikan pengiktirafan. Menyentuh tentang pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC), perkara ini telah lama dan sering kali dibangkitkan dalam perbahasan di Parlimen. Ahli Yang Berhormat telah pun maklum kenapa sijil tersebut tidak diiktiraf oleh

kerajaan. Pada masa ini, keputusan kerajaan masih kekal iaitu tidak mengiktiraf sijil UEC untuk kemasukan ke IPTA.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan kemudahan pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar yang menggunakan sijil UEC, PTPTN akan mempertimbangkan pembiayaan pendidikan bagi pelajar-pelajar IPTS yang tidak mempunyai SPM sebaliknya memiliki kelulusan UEC. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah dibenar memohon pembiayaan pendidikan mengikut kaedah yang dipersetujui antara PTPTN dan IPTS masing-masing. Pada masa ini, PTPTN sedang dalam tindakan memberikan taklimat kepada semua pelajar yang terlibat mengikut IPTS masing-masing berkaitan dengan tatacara dan kaedah sebelum permohonan secara atas talian dibuat oleh pelajar. Berdasarkan data yang diperoleh daripada semua IPTS yang terlibat, dijangkakan jumlah pelajar yang akan memohon adalah seramai 488 orang.

NO. SOALAN:30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]
TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

MENTERI menyatakan apakah kedudukan sebenar Model Ekonomi Baru yang telah disyorkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara dan bilakah ia akan akhirnya dibentangkan secara rasmi untuk diperbahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Model Ekonomi Baru (MBE) merupakan cadangan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) kepada Kerajaan sebagai rangka mentransformasikan negara ke arah mencapai taraf negara maju. Secara amnya, Kerajaan menerima secara prinsip gagasan cadangan MBE. Justeru, terdapat unsur MBE yang dimasukkan ke dalam RMKe- 10 yang telah dibentangkan, diperbahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat.

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH : 5 JULAI 2010

SOALAN : 31

Minta Menteri Pengangkutan menyatakan :

- a) Jumlah kenderaan yang telah menjalani pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) mengikut negeri-negeri pada tahun 2006, 2007, 2008, 2009 dan enam bulan pertama tahun 2010; dan
- b) nyatakan jumlah kutipan hasil PUSPAKOM pada tahun 2006, 2007, 2008, 2009 dan enam bulan pertama tahun 2010.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kenderaan yang menjalani pemeriksaan kenderaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) mengikut negeri bagi tahun 2008 sehingga bulan Mei 2010 adalah seperti berikut:

NEGERI	2008	2009	2010 (JAN - MEI)	JUMLAH (2008- MEI2010)
PERLIS	34,411	29,359	12,496	76,266
KEDAH	169,243	145,442	59,348	374,033
P.PINANG	234,780	210,647	81,530	526,957
PERAK	274,662	245,837	95,228	615,727
SELANGOR	383,410	354,561	174,963	912,934
W.PKL	506,595	455,708	203,147	1,165,450
N.SEMBILAN	124,209	103,665	41,441	269,315
MELAKA	92,254	77,873	29,402	199,529
JOHOR	398,601	359,947	146,870	905,418
PAHANG	143,639	126,651	50,995	321,285
KELANTAN	107,887	90,236	41,468	239,591
TERENGGANU	63,341	53,654	18,437	135,432
SARAWAK	217,434	176,211	70,457	464,102
SABAH	353,223	305,888	86,717	745,828
*MOBILE UNIT	22,351	27,583	11,586	61,520
JUMLAH KESELURUHAN	3,126,040	2,763,262	1,124,085	7,013,387

* merupakan cawangan bergerak PUSPAKOM yang menjalankan pemeriksaan di premis pelanggan yang jauh daripada cawangan utama PUSPAKOM. Pihak PUSPAKOM tidak mempunyai rekod bilangan kenderaan mengikut negeri bagi tahun 2006 dan 2007 kerana sebelum tahun 2008, perangkaan disediakan mengikut tahun kewangan iaitu 2,487,146 kenderaan pada tahun kewangan 2005/2006 dan 2,430,256 kenderaan pada tahun kewangan 2006/2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemeriksaan mengikut negeri bagi tahun 2006 dan 2007 tidak dapat dikemukakan kerana pihak PUSPAKOM sedang dalam proses menaiktaraf sistem komputer dan dalam pelaksanaan untuk mengintegrasikan data yang lama dengan yang baru.

Tuan Yang Dipertua,

No: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Bagi jumlah kutipan hasil pemeriksaan kenderaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM untuk tempoh 2006 sehingga Mei 2010 adalah berdasarkan tahun kewangan (1 April - 31 Mac) seperti berikut:

BIL.	TAHUN KEWANGAN	KUTIPAN HASIL (RM) JUTA
1.	2005/06	60.574
2.	2006/07	62.731
3.	2007/08	91.644
4.	2008/09	110.176
5.	2009/10	108.095

6.	April - Mei 2010	18.241
	JUMLAH	451.461

PERTANYAAN DARIPADA

BAGI JAWAB LISAN
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAAN RAYA TARAN MARIMUTHU**
[TELOK INTAN]

No: 32

TARIKH 5 Julai 2010 (Isnin)

SOALAN 32

TUAN MANOGARAN MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan berhasrat atau bercadang untuk menjual bangunan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur untuk dibangunkan oleh pihak swasta.

TAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjual bangunan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Jalan Sultan Hishamudin, Kuala Lumpur termasuk tujuan pembangunan oleh pihak swasta.

Bangunan yang menempatkan pejabat pentadbiran dan operasi KTMB ini telahpun diisyiharkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada tahun 2007. Sehubungan itu, sebarang cadangan pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara.

Soalan No : 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. DATO' NORAINI BINTI
AHMAD (PARIT SULONG)

TARIKH 05.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penguasa pra-sekolah swasta yang telah memohon untuk menubuhkan pra-sekolah swasta di kawasan luar bandar/miskin selaras dasar KPM untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pendidikan pra-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan 6,412 pra sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga 1 Jun 2010, sebanyak 975 buah adalah prasekolah swasta yang beroperasi di kawasan luar bandar. Antara faktor menyebabkan bilangan prasekolah swasta yang beroperasi di luar bandar sedikit berbanding bilangan keseluruhannya disebabkan oleh:

1. Pengusaha prasekolah swasta lebih berminat membuka pra sekolah swasta di bandar kerana sosio-ekonomi pendudukan yang tinggi dan berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta.

2. Pelbagai kemudahan untuk menubuhkan pra sekolah swasta didapati di kawasan bandar seperti premis di kawasan perumahan dan sebagainya.
3. Mudah menghubungi semua agensi yang berkaitan bagi tujuan penubuhan pra sekolah swasta seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Kesihatan dan Pasukan Bomba dan Penyelamat.
4. Tahap pendidikan ibu bapa di kawasan bandar lebih baik dan terbuka memudahkan mereka menguruskan pra sekolah swasta di bandar.

KPM akan melaksanakan strategi yang komprehensif dan bersepadau di antaranya dengan menambah baik kurikulum prasekolah seperti yang dilaksanakan pada tahun 2010 ini melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) untuk semua agensi pelaksana, termasuk prasekolah swasta bagi tujuan penyeragaman dan meningkatkan lagi kualiti pendidikan prasekolah. Dalam usaha menggalakkan lebih banyak pihak persendirian dan swasta membangunkan prasekolah. KPM akan membantu pihak-pihak yang terbabit melalui geran pelancaran iaitu satu bentuk insentif kewangan.

No: 34

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 05.07.2010

SOALAN NO 34

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan akaun Kerajaan berasingan untuk sumber dari hasil halal dan haram dari segi ajaran Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses mengkaji untuk mengasingkan hasil Kerajaan daripada sumber dari hasil halal dan haram dari segi ajaran Islam. Kerajaan juga telah meminta pandangan daripada pihak

No: 35

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

bertanggungjawab dalam melaksanakan perkara ini.

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)
TARIKH	05.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang bakal diambil oleh Kementerian untuk memastikan kebijakan tenaga pengajar, khasnya guru-guru yang berkhidmat di luar bandar terbela.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi penempatan guru baru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bukan hanya menfokuskan kepada kebajikan guru tetapi juga peningkatan profesionalisme keguruan. Usaha tersebut dilakukan melalui program orientasi guru baru selama 3 minggu di sekolah supaya mereka memperolehi maklumat berkaitan perkhidmatan, pengurusan, profesionalisme keguruan dan laluan kerjaya. Dalam tempoh tersebut, guru baru diberikan seorang mentor untuk membantu dan membimbing guru daripada aspek profesionalisme dan kebajikan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhromat, guru-guru baru juga bagi kawasan luar bandar dan pedalaman akan diurus tempat tinggal mereka oleh pihak sekolah.

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO'SERI TIONG KING SING (BN)
(BINTULU)

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Seri Tiong King Sing (BN) (Bintulu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian memperuntukkan bantuan kewangan yang sama kepada individu daripada keluarga miskin, ibu tunggal, OKU dan sebagainya di seluruh negara; dan
- (b) apakah rancangan dan pelaksanaan pihak Kementerian yang efektif di seluruh negara untuk membantu golongan miskin, ibu tunggal dan golongan OKU.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kebajikan kepada penerima yang layak mengikut jenis skim bantuan yang disediakan di bawah Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri. Kadar bantuan yang diterima oleh klien bagi Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan adalah sama di seluruh negara manakala bagi Skim Bantuan Am Negeri, kadar bantuan adalah berbeza mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

(b) Di bawah Program Transformasi Kerajaan atau, dengan izin, *Government Transformation Programme* (GTP), salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai, dengan izin, *National Key Result Areas* (NKRA) Meningkatkan Taraf Isi Rumah Yang Berpendapatan Rendah (LIH). Kumpulan sasar di bawah NKRA ini adalah golongan rakyat dalam kategori miskin tegar dan miskin termasuk ibu tunggal dan OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif untuk membantu golongan ini dilaksanakan oleh Kementerian melalui Program 1AZAM yang mengandungi 4 komponen teras iaitu:

i. AZAM Kerja

Menawarkan pelbagai peluang pekerjaan tanpa kelayakan dan kemahiran yang tinggi

ii. AZAM Tani

Menawarkan projek pertanian atau asas tani yang memberi pulangan cepat

iii. AZAM Niaga

Menawarkan peluang perniagaan yang berskala kecil dan tidak memerlukan kemahiran yang tinggi

iv. AZAM Khidmat

Menyediakan peluang pekerjaan berdasarkan perkhidmatan secara sambilan atau sepenuh masa

Program 1AZAM ini disasarkan kepada golongan miskin tegar dan miskin yang produktif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi golongan miskin tegar dan miskin yang tidak produktif pula, bantuan kebajikan diberi berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian mengikut skim-skim bantuan sedia ada seperti Bantuan Orang Tua dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar. Bagi Ahli Isi Rumah keluarga tersebut yang produktif, mereka digalakkan untuk menyertai Program 1AZAM bagi meningkatkan pendapatan keluarga agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Selain daripada Program 1AZAM, terdapat beberapa lagi bantuan yang diberikan kepada isi rumah berpendapatan rendah. Antaranya ialah:

1) Bantuan Pelajaran dan Latihan

Di bawah program bantuan ini, pelajar-pelajar miskin diberikan bantuan buku kerja, buku rujukan dan bantuan tambahan peralatan serta keperluan persekolahan.

Selain itu, Ketua Isi Rumah golongan berpendapatan rendah diberikan latihan kemahiran atau kemahiran semula untuk membolehkan golongan ini meningkatkan pendapatan.

2) Bantuan Kesihatan

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah program peningkatan nutrisi makanan bagi membantu mengekal dan meningkatkan tahap kesihatan isi rumah serta menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan pembangunan keluarga.

3) Bantuan Perumahan

Bantuan ini bertujuan membantu golongan sasar di bandar memiliki rumah sendiri melalui bantuan wang pendahuluan rumah dan bayaran yuran guaman. Selain itu,

golongan ini yang tinggal di bandar dan di luar bandar juga ditawarkan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewa.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan di bawah NKRA ini, golongan miskin tegar dan miskin, termasuk golongan ibu tunggal dan OKU dapat dibantu untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan tidak terus bergantung kepada bantuan Kerajaan.

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
 MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berikut hasrat Kerajaan menubuhkan JASA memungkinkan peranannya amat tinggi membantu Kerajaan meningkatkan keyakinan

rakyat terhadap Kerajaan, adakah Kerajaan berhasrat mengenakan sekatan daripada membenarkan kakitangan terbabit terlibat secara langsung memegang mana-mana jawatan dalam parti bagi membolehkan tumpuan serius mereka dalam memartabatkan peranan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pegawai di Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak perkhidmatan dan juga Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Tatacara dalam peraturan ini cukup jelas bagi memantau penglibatan pegawai awam dalam parti politik.

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] 5 JULAI 2010**
TARIKH **(ISNIN)**

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab Kerajaan membenarkan tindakan merobohkan Kuarters Kerajaan di Jaian Chan Ah Tong, Brickfields yang baru sahaja diperbaiki dan diubahsuai yang menelan belanja lebih RM20 juta dan telah dihuni lebih 20 tahun oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan bagi memberi laluan projek jalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua

Cadangan pembangunan kawasan Brickfields merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk memperbaharui imej kawasan Brickfields, mempergiatkan persekitaran perniagaan serta memastikan peningkatan kualiti hidup rakyat di kawasan tersebut supaya menjadi lebih teratur dan moden. Kerja pembaikan yang dilaksanakan tidak melebihi RM 20 juta tetapi melibatkan kos sebanyak RM 2.6 juta. Dijangka cadangan pembangunan kawasan Brickfields akan menjana limpahan ekonomi untuk penduduk serta peniaga setempat yang akan melebihi kos pembaikan yang dibelanjakan sebelum ini.

Pembangunan kawasan tersebut akan meliputi tapak kuarters Kerajaan di Jalan Chan Ah Tong yang akan diroboh dan diganti di Jalan Ang Seng,

Brickfields. Kuarters gantian ini akan mewujudkan suasana yang lebih selesa dan dilengkapi dengan kemudahan rekreasi di kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

SOALAN NO: 39

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL

[SUNGAI PETANI]

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- a) adakah Kerajaan berhasrat memberi masa di radio dan televisyen yang dikawal oleh Kerajaan untuk parti-parti yang bertanding menghebahkan manifesto mereka dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang; dan
- b) berapakah kos sebenar yang ditanggung oleh RTM dalam menyiaran siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO

untuk tahun 2000 hingga 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Semua parti-parti politik telah dibenarkan menghebahkan manifesto masing-masing melalui radio semenjak 20 tahun lalu. Kerajaan tidak ada halangan di masa depan untuk membenarkan mana-mana parti politik untuk menghebahkan manifesto parti masing-masing mengikut segmen masa yang akan ditentukan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 akan datang.
- b) Kementerian melalui RTM menggunakan bajet tahunan yang diperuntukkan bagi setiap siaran langsung yang disiarkan sama ada bagi perasmian program-program yang melibatkan kepentingan rakyat, rancangan-rancangan khas, lintas langsung dan sebagainya dengan memastikan program yang disiarkan memberi manfaat dan pendedahan yang baik untuk keharmonian masyarakat termasuk siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO.SOALAN :40

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)
TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Saiz perbelanjaan pelaburan semula yang rendah (*total reinvested into its operations for future profits*). Apakah langkah diambil Petronas menangani hal ini; dan
- (b) Kontrak hadapan (*forward contact*) dalam jualan '*crude oil*' pada harga rendah sebutkan '*stakeholders*' yang terbabit dan apa polisi yang terbabit dan apa polisi Petronas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, jumlah keuntungan untuk pelaburan semula (*profit available for investment*) adalah sebanyak RM22.5 billion. Petronas sentiasa membuat

penilaian yang teliti dan menyeluruh terhadap setiap pelaburan yang dilakukan samada di dalam atau di luar negara untuk memastikan pulangan yang optimum kepada syarikat. Berhubung dengan kontrak hadapan (*forward contract*) dalam jualan 'crude oil', pada harga yang rendah, Petronas tidak pernah terlibat dengan aktiviti-aktiviti penjualan minyak mentah secara 'kontrak hadapan'. Semua aktiviti penjualan minyak mentah Petronas adalah mengikut harga pasaran semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHD ABDULWAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Mohd Abdul Wahid Bin Endut [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan maklumat penggunaan Peruntukan Khas Parlimen Kuala Terengganu untuk tahun 2009 yang telah dibelanjakan seperti nama pemohon, jenis projek atau program, jumlah dan tarikh diluluskan dan pihak yang mengawal peruntukan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN:

SOALAN NO: 41

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 85 program/projek bernilai RM499,945.00 juta telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Kuala Terengganu di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen. Permohonan program/projek tersebut adalah dikawal oleh Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu. Ringkasan penerima peruntukan yang diluluskan tersebut adalah seperti di berikut:

BI L	NAMA PENERIMA	BIL PROJEK	KOS (RM)
1	Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG)	10	16,483.00
2	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	10	17,500.00
3	JKKK Kampung/Rukun Tetangga	23	22,272.00
4	Penganjuran program ramah mesra bersama rakyat	19	271,373.00
5	Kelab Sukan dan Kebajikan	9	46,817.00
6	Persatuan Belia	6	5,500.00
7	Projek-projek fizikal	8	120,000.00
JUMLAH		85	499,945.00

NO.AUM :&rnr

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH]

5 JULAI 2010

TARIKH

2779

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) tentang akta yang melayakkan penggunaan senjata api kepada penguat kuasa DBKL serta keperluan mereka; dan

(b) adakah ini mencerminkan pihak poll's tidak mencukupi untuk menjaga keselamatan dalam negara khasnya ibu negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala pengurusan yang berkaitan dengan penggunaan senjata api adalah berpandukan kepada Akta Senjata 1960 (Akta 206) dan Akta Senjata Api (Penalti lebih berat) 1971 (Akta 37). Akta-akta ini memperuntukkan perundangan mengenai pemberian, pengawalan, sekatan, hukuman dan lain-lain berkaitan pemilikan senjata atau senjata api dan amunisi.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hubungan dengan penggunaan senjata api oleh penguatkuasa DBKL adalah juga tertakluk kepada Akta-akta tersebut disamping melihat kepada keperluan dan kepentingan menjaga keselamatan diri penjawat awam tersebut dalam

melaksanakan tugas rasmi berkenaan DBKL. Di samping itu, penggunaan senjata api oleh penguatkuasa DBKL juga dapat membantu mewujudkan keselamatan awam semasa melaksanakan tugas - tugas penguatkuasaan.

Penguatkuasa DBKL mempunyai bidang tugas dan kuasa yang terhad kepada penguatkuasaan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 sahaja. Manakala tugas - tugas pasukan Polis Diraja Malaysia merangkumi bidang yang lebih luas berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh yang demikian kedua - dua agensi penguatkuasaan kerajaan tersebut itu telah bersama - sama menjalankan tugas masing - masing untuk mencapai hasil yang sama demi kepentingan negara.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.07.2010

SOALAN NO : 43

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah justifikasi yang boleh diterangkan kepada warga pendidikan (guru, PIBG, murid, pelajar, PLKN, mahasiswa dan lain-lain) bagi Kerajaan mengeluarkan lesen judi bola sepak Piala Dunia 2010 yang berlangsung di Afrika Selatan tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN	SOALAN (44)
TARIKH	5 JULAI 2010 (ISNIN)	
DARIPADA	Y.B. TUAN COBIND SINGH DEO (PUCHONC)	

SOALAN

Y.B. TUAN COBIND SINGH DEO (PUCHONC) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah pun diambil untuk menunjukkan sistem "Guarded and Gated- communities" di kawasan-kawasan perumahan dan keberkesanannya, khususnya di Puchong.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah menggubal satu garis panduan khusus bagi merancang, mengawal dan memantau pembangunan skim- skim komuniti berpagar dan berpengawal. Garis panduan ini kini sedang dalam proses pertimbangan oleh Jemaah Menteri untuk dikuatkuasakan.

Permasalahan yang berleluasa wujud pada ketika ini di kawasan perumahan adalah berpunca daripada kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan yang tegas di peringkat tempatan, khususnya oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjangkakan sekiranya Garis Panduan '*Gated Community and Guarded Neighbourhood*' diterima pakai dan dikuatkuasakan sepenuhnya, sebahagian daripada isu dan permasalahan yang wujud akan dapat ditangani.

Berhubung dengan pembangunan skim '*guarded neighbourhood*' di Puchong, pada masa ini ia tertakluk kepada Garis Panduan '*Gated and Guarded Community*' yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Garis panduan tersebut telah menggariskan beberapa syarat seperti berikut:

1. Keperluan mendapat persetujuan 80 peratus penduduk bagi skim '*Guarded Neighbourhood*' (Tanpa Pagar) dan persetujuan 85 peratus

bagi '*Guarded Neighbourhood*' yang mempunyai pagar mengelilingi skim berkenaan (*perimeter fencing*).

2. Membenarkan pemasangan '*perimeter fencing*' dalam bentuk '*c hain link*' .
3. Membenarkan pemasangan halangan di pintu masuk dari jam 12 tengah malam hingga 6 pagi.

Sebahagian daripada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, khususnya berkaitan dengan halangan, jalan, adalah berbeza dengan Garis Panduan '*Gated Community and Guarded Neighbourhood*' yang digubal oleh KPKT. Garis panduan yang digubal oleh KPKT secara tegas tidak membenarkan pemasangan sebarang halangan dalam bentuk sekatan fizikal atau pemasangan 'boom gate' di pintu masuk. Pernyataan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 80, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang tidak membenarkan sebarang sekatan atau halangan di atas atau merentangi jalan raya yang merupakan tempat awam.

SOALAN 45

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

TARIKH [SARIKEI]

SOALAN 5 JULAI 2010

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Apakah produk pelancongan yang telah diperkenalkan di Bahagian Sarikei dan nyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kementerian dalam RMK-9. Nyatakan juga rancangan dan jenis-jenis produk boleh diperkenalkan oleh Kementerian khasnya di kawasan Zon Tengah Sarawak dalam RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak RM 137.7 juta bagi menaik taraf kemudahan pelancongan di seluruh Negeri Sarawak. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM500 ribu telah diluluskan di Bahagian Sarikei iaitu bagi Projek Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Lumbong Panglima Rentap, Pakan, Sarawak.

Bagi kawasan Zon Tengah Sarawak pula, Kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM13.2 juta untuk menaiktaraf infrastruktur produk pelancongan seperti Taman Negara Maludam, Taman Tasik Sibu, Homestay Rumah Panjang Bawang Assan, Homestay Maludam, Homestay Rumah Lulut Sungai Tisa, Kapit, Taman Jubilee Bukit Aup, Sibu, Tasik Empangan Batang Ai dan Batang Lupar Riverine Park, Sri Aman.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian sedia mempertimbangkan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak sekiranya ada untuk meningkatkan

infrastruktur bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan di kawasan Zon Tengah Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

No: 46

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 05.07.2010

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta Menteri Kewangan menyatakan komposisi Lembaga Pengarah Khazanah Nasional dan adakah Khazanah mempunyai Lembaga Pengarah Audit dan Pelaburan dan jika ada, adakah Lembaga ini dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Khazanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, barisan Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) terdiri daripada sembilan ahli yang mewakili sektor awam dan swasta. YAB Perdana Menteri merupakan Pengurus Lembaga Pengarahan yang mana turut dianggotai oleh YB Menteri Kewangan II dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (yang bertanggungjawab atas Unit Perancang Ekonomi). Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mewakili sektor swasta

terdiri daripada individu yang berkelayakan serta berpengalaman luas dalam bidang masing-masing, termasuk dalam bidang kewangan, ekonomi dan perniagaan. Pengarah Urusan sebagai wakil Pengurusan Khazanah turut menganggotai Lembaga Pengarah tersebut.

2. Tanggungjawab yang dipikul oleh Lembaga Pengarah Khazanah turut dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Audit dan Risiko, yang mana kedua-dua jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah.
3. Jawatankuasa Eksekutif bertanggungjawab untuk menilai serta meluluskan pelaburan selaras dengan had-had kuasa yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Sebarang pelaburan yang melebihi had tersebut akan dibawa ke Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Jawatankuasa Audit dan Risiko pula, antara lainnya bertanggungjawab untuk menilai kecukupan dan integriti kawalan dalaman Khazanah. Ini termasuk pengurusan risiko, audit, sistem pematuhan serta sistem pengurusan maklumat.

Soalan No : 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
	(SIBUTI)
TARIKH	05.07.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar pihak Kementerian mengenai para pelajar sekolah yang mempunyai masalah pendaftaran lambat untuk menikmati skim-skim yang layak dipohon oleh warganegara seperti pinjaman buku teks, biasiswa, bantuan uniform ataupun bantuan makanan. Kes sebegini banyak berlaku di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria utama pemberian bantuan persekolahan ialah murid warganegara Malaysia dan bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Murid-murid yang menghadapi masalah pendaftaran lambat mungkin disebabkan oleh status kewarganegaraan mereka, juga masih layak menerima bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan setelah status kewarganegaraan mereka disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 48

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

[SEKIJANG]

TARIKH 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kementerian akan memberi kebenaran dan membantu Syarikat Penapisan Internet (*Internet Filter*) beroperasi di negara ini memandangkan banyak perkara-perkara negatif tidak dikehendaki oleh pengguna Internet.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat-syarikat penapisan Internet boleh memasarkan produk perisian penapisan Internet masing-masing secara bebas tanpa memerlukan sokongan daripada Kerajaan. Ini bagi memberi peluang kepada industri perisian penapisan Internet berkembang secara sihat bagi menghasilkan produk perisian Internet yang bersesuaian dengan permintaan pasaran.

Kerajaan juga sentiasa menggalakkan semua pihak khususnya ibu bapa

atau penjaga, melanggan atau memasang perisian penapisan Internet di komputer peribadi milik persendirian khasnya yang digunakan oleh anak-anak di bawah jagaan mereka.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN- PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK ABD. RAHMAN BIN

BAKRI (SABAK BERNAM)

TARIKH

: 5 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

ASAS TANI menyatakan: apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah ulat perosak batang, penyakit bena perang dan padi angin yang dihadapi pesawah termasuk dakwaan racun yang diberikan Jabatan Pertanian tidak berkesan melawan penyakit serta kemerosotan hasil keluaran kerana mutu benih padi yang kurang memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengatasi masalah ulat batang, bena perang, padi angin serta perosak yang menyerang tanaman padi, Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil

langkah-langkah berikut:

- (i) menjalankan aktiviti pengawasan atau pemeriksaan untuk menilai status serangan perosak dan penyakit secara berjadual di keseluruhan kawasan sawah padi khususnya di Barat Laut Selangor seluas 18,400 hektar dan memaklumkan kepada petani mengenai tindakan pengawalan yang diperlukan;
- (ii) mengadakan latihan / kursus serta petak-petak promosi teknologi kawalan perosak dan penyakit tanaman. Sehingga Jun 2010 ini, sebanyak 8 program latihan kawalan perosak dan penyakit tanaman padi telah diadakan di Sabak Bernam, Selangor dengan dihadiri oleh seramai 670 orang pesawah; dan
- (iii) menerbit dan mengedarkan bahan-bahan cetak kawalan perosak dan penyakit tanaman seperti poster, *pamphlet* dan sebagainya bagi membantu mereka mendapatkan maklumat terkini dan seiring dengan pembangunan teknologi perlindungan tanaman sedia ada.

Racun yang dibekalkan kepada pesawah-pesawah adalah racun perosak yang telah berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak dan ketulenananya telah dinilai serta berkesan mengawal perosak dan penyakit tanaman. Sungguhpun demikian, keberkesanan racun perosak yang digunakan adalah bergantung kepada keadaan cuaca, masa semburan, kekerapan semburan dan kadar racun yang digunakan. Jabatan Pertanian akan terus memberi latihan kepada petani bagi memastikan racun perosak digunakan secara berhemah dan berkesan.

Bagi pengeluaran benih padi pula, syarikat pengeluar benih diwajibkan untuk

mematuhi piawaian kualiti benih yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian akan menjalankan pemeriksaan ladang bagi tujuan pengesahan mutu benih bagi memastikan benih-benih yang dijual kepada petani berkualiti.

No: 50

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **PUAN TERESA KOK SUH
SIM (SEPUTEH)**

TARIKH **PERT
ANYA** **LISA
N**
AN **05.07.2010**

SOALAN NO **50**

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan rasional Kerajaan memberi lesen perniagaan perjudian sukan kepada syarikat Berjaya secara terburu-buru tanpa rundingan dengan pelbagai pihak. Bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah sosial akibat daripada perjudian sukan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan

mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

NO.AUM

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH 5 JULAI 2010

RUJUKAN 2780

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) berapakah ramai anggota polis bertugas di pilihanraya kecil Hulu

Selangor dan Sibu serta jumlah kos keseluruhan; dan

- (b) undang-undang manakah diperuntukkan oleh pihak polis bagi melarang parti politik berkempen dengan menggunakan isu Allah dalam pilihanraya Kecil Sibu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), jumlah keseluruhan pegawai dan anggota polis yang ditugaskan semasa Pilihanraya Kecil Hulu Selangor adalah seramai 4,009 orang dan bagi Pilihanraya Kecil Sibu adalah seramai 1,737 orang. Manakala kos keseluruhan bagi Pilihanraya Kecil Hulu Selangor adalah sebanyak RM10,547,995.00 dan bagi Pilihanraya Kecil Sibu adalah sebanyak RM4,561,634.00.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), tugas pihak polis semasa pilihanraya adalah mengawal keselamatan dan ketenteraman awam serta memastikan proses pilihanraya berjalan lancar. Mengenai isu penggunaan perkataan Allah, ia adalah isu yang sangat sensitif dan membabitkan beberapa kes yang masih

lagi dalam perbicaraan di Mahkamah, justeru saya tidak bercadang untuk menyentuh perkara ini.

NO. SOALAN : 52

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA LISAN

YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

[SHAH ALAM]

TARIKH

5 JULAI 2010

SOALAN

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah nasihat dan cadangan yang telah diperolehi dan diguna pakai dari APCO yang menjadikan khidmat mereka bernilai setinggi RM77 juta.

**JAWAPAN : DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

APCO telah dilantik kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh. Ini termasuklah:

- (i) meningkatkan keupayaan komunikasi di antara Kementerian melalui kaedah latihan;
- (ii) meningkatkan kebolehan Kementerian untuk berkomunikasi dengan pihak media dan rakyat secara strategik dan tersusun;
- (iii) meningkatkan keupayaan kerajaan untuk berkomunikasi secara efektif dengan media antarabangsa dengan menggunakan media tradisional dan on-line; dan
- (iv) memastikan dasar kerajaan dapat difahami oleh rakyat menerusi pelan komunikasi yang berkesan.

Segala nasihat dan cadangan yang diperolehi dan digunakan dari APCO adalah berdasarkan kepada skop perkhidmatan yang telah ditetapkan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [
 PADANG SERAI]**

TARIKH 5 JULAI 2010

SOALAN B3[J : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [Padang Serai] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan berapa ramaikah pelarian dari Sri Lanka semenjak Januari 2009 dan berapa ramaikah di antara mereka yang dibenarkan menetap di Malaysia dan berapa pula yang telah diserahkan kepada UNHCR.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Ingin dimaklumkan bahawa bidangkuasa menentukan jumlah pelarian dari Sri Lanka ini adalah dibawah Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak menyimpan rekod maklumat warganegara asing yang mendapat perlindungan UNHCR di Malaysia, termasuk rekod warganegara Sri Lanka. Ini memandangkan ***United Nations High Commissioner for Refugees*** (UNHCR) merupakan sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (***United Nations***), dan agensi berkenaan tidak bertanggungjawab terhadap Kementerian Dalam Negeri.

Kerajaan Malaysia bukan merupakan ***signatory*** kepada ***1951 Convention relating to the Status of Refugees***, dengan demikian mana-mana warganegara asing yang mendapat perlindungan UNHCR juga adalah masih tertakluk kepada undang-undang negara. Ini bermakna golongan ini juga akan tertakluk kepada penahanan jika didapati telah melakukan kesalahan seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63. Walau bagaimanapun, atas dasar peri kemanusiaan golongan ini akan dibebaskan kepada UNHCR (***upon request***) jika mereka mampu membuktikan bahawa mereka mendapat perlindungan UNHCR dan setelah mendapat pengesahan agensi berkenaan.

Malaysia sememangnya bukan penandatangan kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 (*1951 Convention Relating to the Status of Refugees*) mahupun Protokolnya 1967 (*1967 Protocol*), dan tidak mengiktiraf status orang-orang pelarian. Bagaimanapun, atas asas kemanusiaan dan budi bicara, Kerajaan Malaysia membenarkan orang-orang pelarian ini tinggal di Malaysia sementara menunggu untuk dihantar ke negara-negara ke-tiga yang sudi menerima mereka.

Sekian terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]

TARIKH 5 JULAI 2010

RUJUKAN 2782

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kelahiran anak di Sabah mengikut kaum sejak tahun 2000 dan jumlah anak yang didaftarkan sebagai Sino-Natif. Apakah tujuan Kerajaan untuk mendaftar kelahiran anak dari perkahwinan bukan natif dengan natif tanpa menggunakan suku kaumnya sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kelahiran anak di Sabah sejak tahun 2000 sehingga Disember 2009 adalah seramai 463,614 orang dan pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Bajau	83,67
Dusun	55,55
Kadazan	43,77
Bugis	36,04
Cina.	28,66
Sino-natif	7,125; dan
Lain-lain kaum -	208,775

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara mendaftarkan kelahiran di Sabah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 9 Ordinan Perdaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah) Cap. 123. Maklumat keturunan anak yang dilahirkan adalah mengikut keturunan ibu atau bapa berdasarkan dokumen pengenalan yang dikemukakan seperti Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan atau Pasport. Jabatan Pendaftaran

Negara hanya bertanggungjawab untuk mendaftar kanak-kanak keturunan natif berdasarkan senarai terkini etnik / suku kaum yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dan Ordinan Tafsiran (Definasi Anak Negeri) Cap 64.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH 5 JULAI 2010

RUJUKAN 2783

SOALAN:

Tan Sri Dato' Abd. Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang laporan media dalam tahun 2009 menunjukkan terdapat 39 kes kematian dalam kejadian tembak melibatkan polis manakala badan NGO Suaram menyatakan terdapat 44 kematian sedemikian pada tahun 2008. Apakah "*Standard Operating Procedure*" (*SOP*) yang digunakan oleh pihak polis dalam hal menggunakan senjata api dalam mengurangkan kadar jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan sememangnya sedar tentang laporan media berhubung kejadian tembak yang melibatkan anggota polis di negara ini. Sehubungan dengan itu, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan dan hak mempertahankan diri ketika bertugas sepetimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap KPN Bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap KPN berkenaan SOP penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang

merangkumi matapelajaran pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan amali ini, anggota turut didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga sentiasa dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak. Pemeriksaan ini sangat penting bagi memastikan penjenayah dapat ditangkap dan keselamatan anggota- anggota PDRM yang bertugas terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN; LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

TARIKH: 5 JULAI 2010

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) statistik terkini jumlah profesional negara kita yang sedang berkhidmat di luar negara dan sektor-sektor terlibat; dan
- (b) apakah langkah dan inisiatif Kerajaan untuk menarik minat mereka untuk pulang berkhidmat di negara kita.

PR-1232-L37403

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai data atau maklumat yang tepat mengenai bilangan rakyat Malaysia profesional yang berada di luar negara.

Mengikut satu kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagaimana dilaporkan oleh Lucas (2008) mendapati pada tahun 2000 sejumlah 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu 3.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 40 peratus menetap di Singapura, 32 peratus di negara-negara OECD (Australia, Amerika Syarikat,

United Kingdom, Kanada dan New Zealand), dan 20 peratus di negara-negara ASEAN (Brunei, Filipina dan Indonesia). Dianggarkan sejumlah 350,000 orang daripada jumlah tersebut, kebanyakannya adalah pekerja mahir, jumlah yang menetap di Australia adalah seramai 79,000, Amerika Syarikat 52,000 dan United Kingdom 50,000.

Kebanyakan mereka yang menetap di luar negara adalah terdiri daripada golongan profesional atau pekerja mahir terdiri dari para jurutera, kakitangan perubatan (termasuk doktor, jururawat, farmasi) dan para penyelidik yang bekerja dalam bidang sains dan teknologi.

- (b) Langkah dan inisiatif Kerajaan untuk menarik minat mereka pulang berkhidmat di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 akan menujuhkan *Talent Corporation* di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai mandat untuk menarik, memberi motivasi dan mengekalkan bakat yang diperlukan oleh negara ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. *Talent Corporation* dengan kerjasama sektor awam dan swasta juga akan mewujudkan *National Talent Blueprint* yang akan mengenal pasti dan menentukan keperluan talen berdasarkan keperluan NKEA serta membangun inisiatif tertentu untuk memenuhi keperluan talen yang diperlukan oleh negara.

- ii. Kerajaan juga melalui dasar Model Baru Ekonomi (*Retain & Access Global Talent*) sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Keadaan ini bagi menarik minat pekerja-pekerja mahir Malaysia di luar negara kembali ke Malaysia dan bagi membendung rakyat Malaysia untuk berhijrah ke luar negara. Di samping itu bekas rakyat Malaysia juga akan diberi peluang untuk kembali ke Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan negara.
- iii. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sendiri mempunyai sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Khas Keperluan Tenaga Mahir Bagi Pelaburan Baru dan Pelaburan Semula MIDA yang dianggotai pelbagai agensi seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, MARA, MIDA dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Antara berperanan Jawatankuasa ini ialah mengambil tindakan bagi memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan. Ringkasnya Jawatankuasa ini dapat membantu memastikan pekerja-pekerja mahir negara tidak meninggalkan negara kerana peluang pekerjaan dalam negara boleh diperoleh.
- iv. Kerajaan sedang melaksanakan pembangunan di lima Wilayah Pembangunan Koridor. Setiap Koridor Pembangunan Wilayah menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja profesional dan mahir. Koridor Pembangunan Wilayah ini juga membuka peluang kepada pekerja profesional dan mahir asing untuk berkhidmat di Malaysia dengan menawarkan insentif yang menarik.
- v. Kerajaan juga mengadakan pelbagai insentif dan galakan untuk mereka yang ingin kembali di negara ini seperti pemberian status penduduk tetap kepada suami / isteri pekerja Malaysia yang kembali bekerja di Malaysia.
- vi. Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berusaha keras untuk menarik *Foreign Direct Investment (FDI)* ke Malaysia dalam bidang-bidang berintensifkan modal serta tidak berintensifkan tenaga kerja. Mengikut laporan Bank Dunia, Malaysia kini berada pada kedudukan ke-23 teratas antara 183 negara di dunia dalam kecekapan menjalankan urusan pemiagaan (*Malaysia In Doing Business*). Kerajaan

percaya, negara mampu berada di kedudukan antara 10 negara teratas menjelang 2015. Dalam bidang *World Competitiveness Ranking* pula, Malaysia kini melonjak dari tangga ke 18 ke tangga ke 10 pada tahun 2010. Kerajaan berhasrat untuk tergolong dalam *ranking* lima (5) negara terbaik dalam *World Competitiveness Ranking*. Dengan kedudukan Malaysia yang lebih

NO. AUM : 63

NO. AUP : 5*1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]

TARIKH 5 JULAI 2010

RUJUKAN 2784

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan terhadap dua laporan polis yang dibuat di Balai Polis Sandakan berhubung dakwaan Encik Lilihyu Suma bahawa anaknya Jalih ditembak mati oleh anggota polis ketika memandu kenderaan bersama empat rakan lain di Batu 15, Jalan Labuk, Sandakan pada 22 April 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini,
pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap kes tersebut dan kertas
siasatan telah pun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk
arahan selanjutnya.

NO. SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB TUAN NGA KOR MING**

[TAIPING]

TARIKH **5 JULAI 2010**

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan Kerajaan termasuk peruntukan yang terlibat dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor dan kawasan Sibu masing-masing.

DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN : Untuk makluman ahli Yang Berhormat, perbelanjaan untuk mengendalikan kedua-dua Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor dan Parlimen Sibu, berdasarkan kepada peruntukan yang diberikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah RM1.2 juta bagi Parlimen Hulu Selangor dan RM 1 juta bagi Parlimen Sibu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

TARIKH : 5 JULAI 2010

SOALAN :

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan masih meneruskan siasatan terhadap dalang-dalang utama tertentu dalam skandal Port Klang Free Zone (*PKFZ*) yang merugikan wang rakyat berjumlah RM12 bilion memandangkan persepsi umum bahawa skandal ini adalah skandal politik berskala besar.

JAWAPAN: YB DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan ke atas skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (*PKFZ*) yang berkaitan dengan kesalahan di bawah bidang kuasa SPRM. Siasatan yang dijalankan mengambil masa memandangkan ia

melibatkan banyak dokumentasi kewangan yang rumit dan perlu diteliti secara terperinci.

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam menyelesaikan kes ini dan siasatan akan dibuat hingga ke akar umbi bagi membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat. Ketegasan Kerajaan dalam kes ini dibuktikan di mana setakat ini empat individu penting telah dituduh di mahkamah melibatkan amaun berjumlah lebih kurang RM370 juta. Sebarang tindakan pendakwaan akan dibuat berdasarkan bukti dan keterangan yang diperoleh semasa siasatan serta kerjasama yang diberikan oleh saksi-saksi dan bukannya berdasarkan sentimen atau semata-mata *public opinion* (dengan izin) menghendakinya pendakwaan dibuat ke atas pihak-pihak berkenaan.

Sekian .Terima kasih.